

**SEJARAH TUNTUTAN SABAH DAN SARAWAK: DARI LAPORAN
IGC 1962 KE 21 TUNTUTAN MA63 (2018-2024)**

*A History of Sabah and Sarawak's Claims: from The IGC Report 1962
to the 21 Ma63 Demands (2018-2024)*

**Bilcher Bala¹
Fazli Abdul Hamid²
Zainuddin Baco³
Dg Junaidah Awang Jambol⁴**

^{1,2,3&4}Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah,
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah

*Corresponding author: zainuddin@ums.edu.my

Dihantar: 2 Mei 2025 / Penambahbaikan: 9 September 2025

Diterima: 1 November 2025 / Terbit: 31 Disember 2025

Abstrak

Wacana ini bertujuan untuk meneroka konteks sejarah tuntutan hak oleh Sabah dan Sarawak, dengan fokus khusus pada hubungan antara Laporan IGC 1962 dan 21 Tuntutan MA63. Laporan IGC 1962 adalah dokumen sejarah penting yang menggariskan syarat utama untuk pembentukan Malaysia. Sebaliknya, 21 Tuntutan MA63 mewakili usaha politik semasa untuk memastikan hak yang dijanjikan kepada Sabah dan Sarawak dihormati, berdasarkan dokumen sejarah dan tuntutan semasa. Perubahan politik mempunyai impak yang besar terhadap perkembangan tuntutan hak bagi negeri ini, terutamanya mengenai inisiatif yang bertujuan mencapai penyelesaian yang adil. Kajian ini menangani dua soalan utama, iaitu bagaimana Laporan IGC 1962 mempengaruhi 21 Tuntutan MA63? Apakah perubahan politik semasa yang mempengaruhi tuntutan hak Sabah dan Sarawak? Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis kandungan Laporan IGC 1962 dan hubungannya dengan 21 Tuntutan MA63. Penemuan kajian menunjukkan bahawa Laporan IGC 1962 memainkan peranan penting dalam membentuk tuntutan hak oleh Sabah dan Sarawak. Manakala 21 Tuntutan MA63 mencerminkan keperluan dan aspirasi politik semasa negeri ini. Perubahan politik di peringkat negeri dan persekutuan secara signifikan mempengaruhi perkembangan tuntutan ini. Kajian ini menggunakan pendekatan sejarah dengan menganalisis dokumen rasmi, laporan media, dan sumber data lain yang relevan.

Analisis data digunakan untuk memahami interaksi antara perubahan politik dan tuntutan hak negeri ini. Kajian ini memberikan pandangan mendalam tentang sejarah politik Malaysia, khususnya Sabah dan Sarawak, dan implikasinya untuk masa depan negeri ini. Ia juga menyumbang kepada pemahaman yang lebih baik tentang hubungan antara masa lalu dan masa kini.

Kata Kunci : 21 Tuntutan MA63, Laporan IGC 1962, Perubahan Politik, Sabah, Sarawak

Abstract

This discourse aims to explore the historical context of the rights claims by Sabah and Sarawak, with a particular focus on the relationship between the IGC Report 1962 and the 21 MA63 Demands. The IGC Report is a significant historical document that outlines the key terms for forming Malaysia. In contrast, the 21 MA63 Demands represent a contemporary political effort to ensure that the rights promised to Sabah and Sarawak are honored, based on historical documents and current demands. Political changes have a substantial impact on the development of rights demands for these states, particularly regarding initiatives aimed at achieving fair resolutions. This study addresses two primary questions: How does the IGC Report influence the 21 MA63 Demands? What are the current political changes that affect the rights demands of Sabah and Sarawak? The objective of this study is to analyze the content of the IGC Report and its connection with the 21 MA63 Demands. The findings reveal that the IGC Report plays a crucial role in shaping the rights demands by Sabah and Sarawak, while the 21 MA63 Demands reflect the current political needs and aspirations of these states. Both state and federal political changes significantly influence the development of these demands. This study employs a historical approach by analyzing official documents, media reports, and other relevant data sources. The data analysis is used to understand the interplay between political changes and the rights demands of these states. Ultimately, this study provides an in-depth view of the political history of Malaysia, particularly of Sabah and Sarawak, and its implications for the future of these states. It also contributes to a better understanding of the connection between the past and the present.

Keywords : 21 MA63 Demands, IGC Report of 1962, Political changes, Sabah, Sarawak

Pendahuluan

Dari tahun 2018 hingga 2024 terdapat kemajuan dalam penyelesaian beberapa tuntutan hak Sabah dan Sarawak di bawah Perjanjian Malaysia 1963 (MA63). Hakikatnya, penyelesaian tuntutan tersebut adalah bergantung kepada proses perundangan yang kompleks, yang memerlukan pemeriksaan terperinci. Sehingga akhir tahun 2024, sebanyak 10 Perkara daripada 21 Tuntutan MA63 telah berjaya diselesaikan. Manakala tuntutan selebihnya seperti royalti minyak dan bayaran tunai untuk petroleum, hak negeri ke atas pelantar benua, dan peningkatan pelantikan perkhidmatan awam di Sabah dan Sarawak masih dalam perbincangan. Perubahan dalam kepimpinan dan strategi politik sama ada di peringkat negeri atau persekutuan sangat mempengaruhi perkembangan tuntutan ini. Nampaknya kepimpinan baru di peringkat negeri dan persekutuan memainkan peranan penting dalam mempercepatkan penyelesaian 10 Perkara tersebut. Hakikatnya, penyelesaian tuntutan tersebut adalah bergantung kepada proses perundangan yang kompleks, yang memerlukan pemeriksaan terperinci. Hal ini mempunyai kesan melambatkan keputusan untuk mencapai penyelesaian. Walau bagaimanapun, dari sudut yang positif, penyelesaian 10 Perkara tersebut menandakan pencapaian bersejarah bagi rakyat negeri Sabah dan Sarawak. Dalam konteks ini, tema "kesinambungan sejarah" adalah relevan untuk memahami bagaimana isu, keperluan dan tuntutan semasa telah dibentuk dengan merujuk kepada peristiwa masa lalu. Dalam konteks sejarah politik Malaysia, hubungan antara *Inter-Governmental Committee Report, 1962* (Laporan IGC 1962) dan 21 Tuntutan MA63 memberikan gambaran yang jelas tentang kesinambungan sejarah tuntutan hak Sabah dan Sarawak. Dengan demikian, kertas kerja ini akan menganalisis kandungan Laporan IGC 1962 dan 21 Tuntutan MA63, serta menilai pengaruh faktor politik dalam inisiatif penyelesaian terhadap tuntutan hak Sabah dan Sarawak dalam Malaysia.

Pembentukan Malaysia

Pada 1 April 1946, secara rasmi Kerajaan Kesatuan Malaya British atau lebih dikenali sebagai *Malayan Union* telah ditubuhkan, yang menggabungkan Negeri Melayu Bersekutu, Negeri Melayu Tidak Bersekutu dan Negeri Melaka di bawah satu pentadbiran, dengan Sir

Edward Gent sebagai gabenor pertama. Manakala Singapura dipisahkan dan ditadbir sebagai wilayah Koloni Mahkota. Namun Kerajaan Kesatuan Malaya British menghadapi bantahan keras daripada masyarakat Melayu, yang mencetuskan penubuhan parti politik *United Malays National Organisation* (UMNO) pada 10 Mei 1946. Kerajaan Kesatuan Malaya British menyedari masalah ini lantas mengambil langkah untuk mempertimbangkan pindaan kepada perlembagaan, terutamanya untuk menggantikan sistem Kerajaan Kesatuan Malaya British kepada sebuah sistem Kerajaan Persekutuan Malaya, termasuk kontroversi idea penggabungan Singapura dengan Malaya.¹ Akhirnya, Kerajaan Kesatuan Malaya British telah dibubarkan pada 1 Februari 1948, dan digantikan dengan Kerajaan Persekutuan Malaya. Namun pihak kuasa British telah mengekalkan Singapura sebagai wilayah Koloni Mahkota berasaskan dasar *close ties* atau kerjasama dalam bidang ekonomi dengan Kerajaan Persekutuan Malaya, termasuk wilayah koloni British yang lain,² iaitu Borneo Utara (Sabah), Sarawak dan Brunei. Secara ringkas, idea penggabungan wilayah Malaya dengan Singapura, Borneo Utara, Sarawak dan Brunei telah berkembang secara beransur-ansur sehingga pengumuman Gagasan Malaysia oleh Tunku Abdul Rahman Putra, Perdana Menteri Malaya.

Pada 24 April 1951, dalam Majlis Undangan Singapura, seorang ahli Parti Progresif (Thio Chan Bee) telah mencadangkan idea penggabungan Singapura, Malaya, Borneo Utara, Sarawak dan Brunei dalam suatu sistem kerajaan konfederasi (*confederation*), yang akan dinamakan Malaya Bersatu (*United Malaya*) ataupun Malaya Raya (*Greater Malaya*). Hakikatnya, idea penggabungan pada ketika itu telah dibangkitkan ekoran menyedari situasi "hubungan keluarga yang rapat" (*close family relationship*) antara penduduk Malaya dan semua wilayah jajahan British.³ Dengan kemenangan parti Perikatan Malaya⁴

¹ *The Straits Times*, Pan-Malayan View from Malacca, 16 Januari 1947, hlm. 6; *Morning Tribune*, Malaya: Creech-Jones Promises Statement, 11 Julai 1947, hlm. 6; *The Straits Times*, Singapore and the Federation, 19 Jun 1947, hlm. 1; *The Singapore Free Press*, Federal Plan Gets Priority, 19 Jun 1947, hlm. 1; *Indian Daily Mail*, Malayan Reforms and Govt's New Tactics, 20 Jun 1947, hlm. 2; *The Singapore Free Press*, 3 Governors: Set-up May Be Reviewed, 10 Julai 1947, hlm. 1; *Indian Daily Mail*, Colonial Secretary Promises Statement on Constitution by October, 14 Julai 1947, hlm. 4.

² *The Straits Times*, Gent Gives Pledge of "Genuine Democracy" Federation Ceremonies, 2 Februari 1948, hlm.5; *Sunday Standard*, Closer Ties between S'pore, Fed., Says Lloyd, 7 Februari 1954, hlm. 3; *The Straits Times*, Labour Party to Discuss Policy: Draft Plan Sees Economic Link with Federation, 15 Mei 1950, hlm 5.

³ *The Straits Times*, Thio Suggests a Confederation, 25 April 1951, hlm. 7.

*Satu Sejarah Tuntutan Sabah Dan Sarawak: Dari
Laporan IGC 1962 Ke 21 Tuntutan Ma63 (2018-2024)*

dalam Pilihan Raya Umum pada 27 Julai 1955, Singapura mula menaruh minat mendalam terhadap idea penggabungan, khususnya untuk tujuan mendorong perjuangan nasionalisme ke arah kemerdekaan serta jaminan keselamatan terhadap ancaman pengaruh fahaman dan keganasan Komunis.⁵

Cadangan penggabungan Singapura dengan Malaya sudah mula dirancang oleh kuasa British pada seawal tahun 1955. Walaupun cadangan ini sangat digemari oleh pihak Singapura, tetapi pihak Malaya sangat membantahnya atas sebab faktor politik dan keraguan terhadap Singapura,⁶ khususnya masyarakat Singapura perlu membuktikan taat setia yang tidak berbelah-bagi kepada Malaya.⁷ Menjelang pertengahan tahun 1959, isu perbezaan fikiran, prasangka buruk, dan perkauman antara penduduk Malaya dan Singapura sangat ketara hingga usaha ke arah penggabungan dipandang masih sangat jauh, yakni sekurang-kurangnya 10 tahun lagi.⁸ Hal ini disebabkan pelbagai isu, seperti bahasa kebangsaan, agama rasmi, pendidikan, kesetiaan, dan pengaruh Komunisme di Singapura.⁹

Pada hari Sabtu, 27 Mei 1961, di Singapura, dalam satu jamuan makan tengahari anjuran Persatuan Wartawan Luar Negeri, Tunku berucap berkait isu Bahasa Kebangsaan sekiranya Singapura bergabung dengan Malaya. Beliau memberi suatu pandangan tentang kemungkinan untuk menubuhkan sebuah persekutuan yang besar meliputi Malaya, Singapura, Borneo Utara, Sarawak dan Brunei, iaitu suatu rancangan untuk mengeratkan lagi hubungan atau kerjasama politik dan ekonomi.¹⁰ Dari satu sudut, peristiwa ini merupakan tarikh pengumuman Gagasan Malaysia, walaupun, sebenarnya Tunku belum

⁴ Gabungan parti antara UMNO, Malayan Chinese Association (MCA), dan Malayan Indian Congress (MIC).

⁵ *Indian Daily Mail*, Mac Donald Pledges to Promote Indo-U.K. Friendship, 18 September 1955, hlm. 1.

⁶ *Berita Harian*, Penjelasan dari Tengku, 19 Februari 1958, hlm. 4; *Berita Harian*, Fikiran Tentang Soal Berchantum, 1 November 1958, hlm. 4; *Berita Harian*, Bersatu? Itu Bodoh Kata Tengku, 27 Februari 1959, hlm. 5.

⁷ Memetik pandangan Dr. Lim Chong Eu, Presiden parti *Malayan Chinese Association* (MCA). *Berita Harian*, Chantum? Buktikan Dulu Taat Setia, Kata Dr. Lim, 20 Mac 1959, hlm. 1.

⁸ *Berita Harian*, Tidak Sama Fikiran, 23 April 1959, hlm. 4; *Berita Harian*, 'Itu Bukan-nya Syarat Perchantum', 16 Mei 1959, hlm. 2; *Berita Harian*, Perchantum Buat Sekarang Tidak Mungkin, 11 November 1959, hlm. 1; *Berita Harian*, Perchantum dlm Masa 10 Tahun", 21 Disember 1959, hlm. 2.

⁹ *Berita Harian*, Kenyataan Baharu P.A.P., 26 November 1958, hlm. 4; *Berita Harian*, Perlembagaan Bergantung kpd. Orang2 Melayu, 9 Mac 1959, hlm. 1.

¹⁰ *Berita Harian*, Lupakan Negeri China, Tengku Beri Nasihat, 28 Mei 1961, hlm. 1

bersedia untuk menerima masyarakat Cina di Singapura ke dalam masyarakat Malaya. Hal ini kerana timbul keraguan terhadap kekuasaan undi masyarakat Cina di Singapura, yang dijangka mengatasi undi masyarakat Melayu di Malaya.¹¹ Lantaran itu, Tunku telah memandang ke arah Borneo sebagai jalan penyelesaian, seperti mana satu pandangan dalam akhbar di Australia, *Melbourne Herald*, yang dikutip dalam *Berita Harian*, menjelaskan bahawa:

Dengan Persekutuan menerima Brunai, Kalimantan Utara dan Sarawak kelak maka keraguan itu dapat diatasi, di-samping memadukan sa-buah kerajaan yang merdeka dan kokoh dalam sa-buah daerah yang maha penting kepada Australia.¹²

Manakala di Borneo, respon akhbar seperti *Sarawak Tribune* dan *North Borneo News and Sabah Times* terhadap pengumuman Gagasan Malaysia adalah bersifat sederhana berdasarkan ungkapan pada tajuk berita, "Ucapan Tunku Sungguh Penting" dan "Kena Pada Waktunya".¹³ Hakikatnya, ungkapan ini mempunyai konotasi tentang semangat perjuangan menuntut kebebasan daripada kawalan penjajah British. Namun begitu, pada masa yang sama, terdapat ramalan tentang dua cara untuk melaksanakan Gagasan Malaysia. Pertama, Singapura, Borneo Utara, Sarawak dan Brunei akan masuk dengan status sebagai Negeri dalam Persekutuan Malaya. Dan, kedua, Singapura, Borneo Utara, Sarawak dan Brunei masuk bersama-sama Malaya dalam sebuah "Pergabungan negara-negara Malaysia". Dalam hal ini pihak Brunei, Sabah dan Sarawak masing-masing menegaskan bahawa mereka tidak ingin menjadi sebuah lagi negeri dalam Persekutuan Malaya, melainkan mereka mahu perkongsian sama taraf. Justeru itu, mereka mahu melaksanakan gabungan sebuah persekutuan tiga negara Borneo terlebih dahulu sebelum mewujudkan gabungan Malaysia. Pada masa yang sama, Malaya dan Singapura perlu terlebih dahulu menyelesaikan penggabungan mereka.¹⁴ Hal ini memberikan satu gambaran bahawa pemimpin pada ketika itu ingin menubuhkan sebuah Persekutuan yang terdiri daripada dua wilayah geopolitik, iaitu Malaya-Singapura di sebelah Barat dan Sabah-Sarawak-Brunei di sebelah Timur. Disebabkan terpisah oleh Laut China

¹¹ *Berita Harian*, Malaysia' Di-ulas, 30 Mei 1961, hlm. 1.

¹² *Berita Harian*, Perjalanan Sejarah yg. Ta' Dapat Di-elakkan, 1 Jun 1961, hlm. 4.

¹³ *Ibid.*

¹⁴ *Berita Harian*, Malaysia: Sikap Brunai, 2 Jun 1962, hlm. 1.

Selatan, maka sangat wajar mewujudkan dua bahagian geopolitik, iaitu Malaysia Barat dan Malaysia Timur.

Hakikatnya, pihak Singapura sangat cenderung kepada Gagasan Malaysia untuk mempercepatkan lagi langkah ke arah kemerdekaan. Hal ini dibayangkan oleh Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew, semasa berucap sempena sambutan Hari Kebangsaan Singapura kedua, menyatakan:

Singapura akan mendukung anjoran itu sa-andai-nya dengan jalan itu Singapura lebih chepat dan lebih mudah mencapai kemerdekaan dan bersatu kembali dengan Persekutuan Tanah Melayu.¹⁵

Walaupun pihak Borneo Utara dan Sarawak menyambut baik Gagasan Malaysia, mereka melihat cadangan itu kurang sesuai dengan realiti pada masa itu. Menurut Gabenor Borneo Utara, Sir William Goode, bahawa:

*...the people of North Borneo considered the Tengku's proposal "constructive and interesting for the future. But for the immediate present, ... we are thinking very much more in terms of getting closer to our near friends, Sarawak and Brunei".*¹⁶

Manakala Gabenor Sarawak, Sir Alexander Waddel, menambah: *we have our own problems to sort out and have not really set our minds working in such wide terms.*¹⁷ Hakikatnya, Borneo Utara dan Sarawak begitu tegas menyatakan pendirian belum bersedia untuk menerima Gagasan Malaysia. Dalam situasi ini, pihak Singapura telah memanfaatkan kesempatan sebagai tuan rumah bagi penganjuran Persidangan *Commonwealth Parliamentary Association* (CPA) pada 21 hingga 26 Julai 1961. Pemimpin Borneo Utara dan Sarawak¹⁸ telah dijemput menghadiri persidangan ini untuk membincangkan asas kepada Gagasan Malaysia. Sehubungan dengan itu, pemimpin British utama dari lima wilayah (Malaya, Singapura, Borneo Utara, Sarawak

¹⁵ *Berita Harian*, Malaysia: Lee Sokong, 4 Jun 1961, hlm. 1.

¹⁶ *The Straits Times*, Borneo VIPs Fly in to Discuss 'Malaysia', 26 Jun 1961, hlm. 1.

¹⁷ *Ibid.*

¹⁸ Terdiri daripada Yeo Cheng Hoe, G.W. Geike dan Ainnie bin Dhoby dari Sarawak, serta D.A. Donald Stephens, Zainal bin Kerahu, dan Pang Tet Tshung dari Borneo Utara. *The Straits Times*, Borneo Two Form Malaysian Body, 28 July 1961, hlm. 1.

dan Brunei) telah mengadakan mesyuarat dua hari di Singapura, iaitu pada 26-27 Jun 1961, yang dipengerusikan oleh Lord Selkirk, Pesuruhjaya Tinggi British di Singapura merangkap Pesuruhjaya Tinggi Asia Tenggara. Persidangan dua hari ini difahamkan telah menyumbang kepada perumusan dasar British mengenai Gagasan Malaysia atau sebuah *United States of Malaysia*.¹⁹ Dengan pendirian kuasa British itu, pihak Borneo Utara dan Sarawak bersetuju untuk mempertimbangkan Gagasan Malaysia. Hakikatnya, persidangan CPA telah membantu dalam mendapatkan sokongan dan persetujuan awal pemimpin Borneo Utara dan Sarawak, yang membawa kepada penubuhan Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia (*Malaysia Solidarity Consultative Committee* - MSCC) untuk membincangkan lebih lanjut mengenai isu dan cabaran Gagasan Malaysia. Maka, penubuhan MSCC telah diumumkan pada 27 Jun 1961, yang dipengerusikan oleh Donald Stephens.²⁰ Jawatankuasa ini ditugaskan untuk mengumpulkan pandangan dan menggalakkan perbincangan mengenai bentuk dan struktur Gagasan Malaysia. Hal ini ditegaskan dalam kenyataan bersama MSCC, bahawa *the question now was not whether a United States of Malaysia was desirable but what its final shape and form should be*.²¹ Pada ketika itu, keraguan dan kebimbangan terhadap bentuk Gagasan Malaysia adalah kental, yang berkait pandangan Donald Stephens bahawa *the proposed Greater Malaysia would not just be a "bigger Malaya"*.²² Oleh kerana sasaran tarikh untuk penubuhan Gagasan Malaysia ialah tahun 1963, maka MSCC perlu menyusun pelan tindakan sebelum menyerahkannya kepada kuasa British. Justeru itu, Donald Stephens menegaskan bahawa tidak perlu untuk membentuk konfederasi wilayah Borneo sebelum mewujudkan Gagasan Malaysia, tetapi banyak kerja keras diperlukan untuk menyelesaikan masalah berkaitan hak negeri dan perlembagaan.²³

Pada 24 Ogos 1961, MSCC telah mengadakan mesyuarat pertama di Jesselton (Kota Kinabalu).²⁴ Pada hari yang sama, Malaya dan Singapura juga mengadakan mesyuarat di Kuala Lumpur untuk

¹⁹ Terdiri daripada A. J. Brown (Pesuruhjaya Tinggi British di Malaya), Sir William Goode (Gabenor Borneo Utara), Sir Alexander Waddell Gabenor Sarawak), dan D. C. White (Pesuruhjaya Tinggi Brunei). *The Straits Times*, Moves on Malaysia, 28 Jun 1961, hlm. 1.

²⁰ *The Straits Times*, Borneo Two Form Malaysian Body, *op.cit.*

²¹ *Ibid.*

²² *The Straits Times*, 'Bigger Malay' Fear: Stephens, 31 Julai 1961, hlm. 4.

²³ *The Straits Times*, Malaysia: The Target Date is 1963, 18 Ogos 1961, hlm. 1.

²⁴ *The Straits Times*, Assurance on Malaysia: Big Talks Open Today in Jesselton, 24 Ogos 1961, hlm. 1.

*Satu Sejarah Tuntutan Sabah Dan Sarawak: Dari
Laporan IGC 1962 Ke 21 Tuntutan Ma63 (2018-2024)*

mencari penyelesaian tentang bentuk Gagasan Malaysia, terutamanya bidang kuasa persekutuan (hubungan luar, pertahanan dan keselamatan) serta Singapura mengekalkan autonomi bidang pendidikan dan tenaga kerja.²⁵ Dalam mesyuarat pertama, MSCC delegasi pemimpin Borneo Utara dan Sarawak mempunyai pandangan berbeza, terutamanya kebimbangan terhadap masa depan dalam Gagasan Malaysia. Mereka membahaskan isu kepentingan rakyat, status quo keanggotaan dalam persekutuan, dan bagaimana hak dan autonomi negeri akan dipelihara.²⁶ Mesyuarat ini berakhir tanpa kata sepakat. Perbahasan ini diteruskan dalam mesyuarat kedua di Kuching pada 18-20 Disember 1961. Dalam mesyuarat kedua itu, perbincangan masih berhadapan dengan beberapa isu dan cabaran, terutama sekali keraguan dan kebimbangan delegasi pemimpin Borneo Utara dan Sarawak terhadap Gagasan Malaysia. Namun, Donald Stephens memainkan peranan penting dalam menghidupkan perbincangan dan memberikan perspektif yang lebih jelas. Beliau berjaya meyakinkan para delegasi untuk menghapuskan keraguan mereka terhadap Gagasan Malaysia. Hasilnya, mesyuarat ini mula menunjukkan kemajuan dengan lebih banyak sokongan terhadap Gagasan Malaysia. Hal ini membawa kepada tindakan menerbitkan kertas putih, yang menyatakan sokongan terhadap Gagasan Malaysia, oleh Kerajaan Sarawak pada 4 Januari 1962.²⁷ Selepas mengadakan mesyuarat ketiga di Kuala Lumpur pada 6-8 Januari 1962, yang memfokus isu keselamatan ekoran provokasi dan ancaman Indonesia dan Komunis, maka Kerajaan Borneo Utara menerbitkan kertas putih pada 31 Januari 1962.²⁸ Seterusnya dalam mesyuarat ketiga, yang terakhir, di Singapura pada 1-4 Februari 1962, persepakatan sepenuhnya telah tercapai dengan memeteraikan satu dokumen *Memorandum on Malaysia*, yang memperincikan 44 Perkara tentang bentuk dan struktur Gagasan Malaysia, terutamanya konsep Persekutuan (Perkara 9) dan asas undang-undang berasaskan Perlembagaan Persekutuan Malaya, 1957 (Perkara 13).²⁹

²⁵ Bilcher Bala, Satu daripada Tiga Belas: Sabah dan Sarawak dalam Pembentukan Malaysia, 1961-1962, *Jurnal Borneo Arkhailogia (Heritage, Archaeology and History)*, Vol. 3 (2), Disember, 2018, hlm. 22.

²⁶ *Ibid.*, hlm. 25-27.

²⁷ *Ibid.*, hlm. 26.

²⁸ *Ibid.*

²⁹ *Ibid.*, hlm. 28; *Malaysia Solidarity Consultative Committee Memorandum on Malaysia 1962*. 3 Februari 1962. Appendix F. Dalam Great Britain, Commission of Enquiry, North Borneo and Sarawak, *Report of the Commission of Enquiry, North Borneo and Sarawak, 1962*, London: Her Majesty's Stationery Office, 1962, hlm. 112-119; *The Straits Times*, Memorandum on Malaysia, 7 Februari 1962, hlm. 1.

Semasa satu mesyuarat antara Kerajaan British dan Malaya di London pada 20-22 November 1961, satu suruhanjaya khas telah dicadangkan untuk menjalankan referendum atau tinjauan pendapat penduduk Borneo Utara dan Sarawak terhadap Gagasan Malaysia. Pada 16 Januari 1962, penubuhan dan lima ahli Suruhanjaya Cobbold telah diumumkan, manakala dokumen *Memorandum on Malaysia* telah diserahkan pada 3 Februari 1962.³⁰ Sebelum memulakan penyiasatan, Suruhanjaya Cobbold meneliti syor dalam memorandum tersebut untuk memahami pandangan dan kebimbangan penduduk Borneo Utara dan Sarawak mengenai Gagasan Malaysia. Hal ini membantu suruhanjaya dalam menjalankan tugas mereka dengan lebih berkesan. Suruhanjaya Cobbold telah menjalankan tugasnya dari 19 Februari hingga 18 April 1962. Hasil tinjauan menunjukkan bahawa majoriti penduduk Borneo Utara dan Sarawak menyokong Gagasan Malaysia, dengan syarat hak dan autonomi negeri dipelihara. Laporan Suruhanjaya Cobbold telah diserahkan kepada Kerajaan British dan Kerajaan Malaya pada 21 Jun 1962. Laporan tersebut menyatakan bahawa satu pertiga penduduk di setiap wilayah sangat menyokong pembentukan Malaysia tanpa terlalu banyak kebimbangan mengenai syarat. Satu pertiga lagi menyokong dengan syarat tertentu. Manakala baki satu pertiga terbahagi antara mereka yang mahukan kemerdekaan sebelum menyertai pembentukan Malaysia dan mereka yang ingin meneruskan pemerintahan British untuk beberapa tahun lagi. Walau bagaimanapun, sebenarnya kira-kira 20 peratus penduduk Borneo Utara dan Sarawak masih meragui Gagasan Malaysia,³¹ melainkan sokongan kuat daripada kalangan penduduk peribumi di kawasan sekitar bandar dan pekan.³² Hakikatnya, hal ini tidak disebutkan secara eksplisit dalam laporan. Apa yang lebih penting ialah bahawa terma rujukan untuk meneruskan usaha Gagasan Malaysia telah tercapai berdasarkan saranan proklamasi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) bertarikh 15 Disember 1960, khususnya

³⁰ Ahli suruhanjaya ialah: Lord Cobbold (mantan Gabenor Bank England), Sir Anthony Abbel (mantan Gabenor Sarawak), Sir David Watherston (mantan Ketua Setiausaha Persekutuan Malaya), Dato Wong Pow Nee (Ketua Menteri Pulau Pinang), dan Muhammad Ghazali bin Shafie (Setiausaha Tetap di Kementerian Hubungan Luar Persekutuan Malaya), serta I. H. Harris (Pegawai di Pejabat Kolonial) sebagai setiausaha. Great Britain, Commission of Enquiry, North Borneo and Sarawak, *op.cit.*, hlm. 16; *The Straits Times*, It's Lord Cobbold, 18 Januari 1962, hlm. 1.

³¹ *The Straits Times*, The Cobbold Report, 2 Ogos 1962, hlm. 9.

³² Bilcher Bala, Satu daripada Tiga Belas, *op.cit.*, hlm. 29-31.

*Satu Sejarah Tuntutan Sabah Dan Sarawak: Dari
Laporan IGC 1962 Ke 21 Tuntutan Ma63 (2018-2024)*

Resolusi 1541 (XV), Prinsip 6.³³ Dalam satu mesyuarat sulit antara Kerajaan British dan Kerajaan Malaya pada 31 Julai -1 Ogos 1962, yang bertujuan untuk merumuskan laporan Suruhanjaya Cobbold. Dengan berdasarkan pandangan MSCC sebelumnya, Suruhanjaya Cobbold juga menerima cadangan Perlembagaan Malaya 1957 sebagai asas perlembagaan bagi Gagasan Malaysia, termasuklah ketua negara, agama rasmi, bahasa rasmi, kebebasan beragama, hak keistimewaan peribumi dan lain-lain, tetapi dengan syarat bahawa Borneo Utara dan Sarawak akan mempunyai hak autonomi dan perlindungan tertentu yang tidak boleh dipinda tanpa persetujuan mereka.³⁴ Seterusnya satu persetujuan telah tercapai pada 31 Julai 1962 di antara Kerajaan British dan Kerajaan Malaya dengan menetapkan tarikh 31 Ogos 1963 sebagai hari pembentukan atau Hari Malaysia.³⁵

Pada hari berikutnya, 1 Ogos 1962, Jawatankuasa Antara Kerajaan (*Inter-Governmental Committee* - IGC) telah diumumkan, yang diketuai oleh Lord Lansdowne dengan tanggungjawab untuk menyusun perlembagaan yang memperuntukkan perlindungan dan kepentingan khas kepada Sabah dan Sarawak, termasuk merangka MA63 yang lengkap.³⁶ Sebelum IGC memulakan tugasnya pada 30 Ogos 1963, masyarakat Borneo Utara dan Sarawak menghadapi dilema kekeliruan berkait cara persekutuan yang hendak dibentuk. Mereka menyedari bahawa Gagasan Malaysia adalah cara yang cepat untuk mencapai status quo berkerajaan sendiri (*self-government*), tetapi pada masa yang sama, terdapat kebimbangan mengenai bagaimana hak dan autonomi negeri akan dipelihara dalam persekutuan. Dilema ini terkandung dalam pandangan Donald Stephens, menyebut:

³³ Prinsip 7 menyatakan: *Free association should be the result of a free and voluntary choice by the peoples of the territory concerned expressed through informed and democratic processes. It should be one which respects the individuality and the cultural characteristics of the territory and its peoples and retains for the peoples of the territory which is associated with an independent State the freedom to modify the status of that territory through the expression of their will by democratic means and through constitutional process.* Lihat United Nations, *General Assembly Resolution 1541 (XV), Principles which Should Guide Members in Determining whether or Not an Obligation Exists to Transmit the Information Called for under Article 73e of the Charter*, 15 Disember 1960, hlm. 29. [https://docs.un.org/en/A/RES/1541\(XV\)](https://docs.un.org/en/A/RES/1541(XV)), diakses pada 4 April 2025.

³⁴ Bilcher Bala, Satu daripada Tiga Belas, *op.cit.*, hlm. 33-34.

³⁵ *Ibid.*; Secretary of State for Commonwealth Relations and Secretary of State for the Colonies, *Malaysia: Report of the Inter-Government Committee, 1962*, Cmmd. 1954, London: Her Majesty's Stationery Office, 1963, hlm. 1.

³⁶ Secretary of State for Commonwealth Relations and Secretary of State for the Colonies, *op.cit.*

The concept behind the merger of the Borneo territories was that we would have a big enough and strong enough unit to team with Malaya and Singapore as equals...The common shared by North Borneo and Malaya were responsible for the hope that one day – when North Borneo, too, had attained self-government and could have the British Colonial Office to speak on its behalf – "it would be time for us to talk with Malaya about a federation or a confederation of our countries."... whatever decision was made could then be said to be the will of the people of the country themselves, and not the decision of Whitehall. It was for this reason that there was strong opposition to the Tengku's announcement that North Borneo should join Malaya as a state. The people were not consulted; Britain was in effect asked to hand over North Borneo to Malaya to make it Greater Malaya, not Malaysia. There were real fear among the people in North Borneo that Britain, with so many problems to solve at home, would find it very convenient to dump the North Borneans into the Malayan lap. It would solve the problem of Singapore for Malaya because it was believed that the Tengku's condition for the acceptance of Singapore was that the Borneo territories must also come in.³⁷

Lantaran itu, pada 13-14 Ogos 1962, satu mesyuarat tergempar telah diadakan di Jesselton bagi para pemimpin parti politik Borneo Utara. Mesyuarat ini telah menyediakan satu Memorandum 20 Perkara bagi Borneo Utara, dan diserahkan kepada IGC pada 30 Ogos 1963 dengan tujuan dipertimbangkan untuk dimasukkan ke dalam perlembagaan. Pada hari itu, IGC mengadakan mesyuarat persediaan di Jesselton, untuk menubuhkan jawatankuasa induk dan beberapa jawatankuasa kecil.³⁸ Seterusnya IGC mengadakan sebanyak 23 mesyuarat dari bulan 22 Oktober 1962 hingga 20 Disember 1962 sama ada di Jesselton, Kuching atau Kuala Lumpur.³⁹ Sebelum itu, pada 12

³⁷ *The Straits Times*, 'Malaysia: Self-Rule First', 11 Ogos 1961, hlm. 9.

³⁸ Bilcher Bala, Satu daripada Tiga Belas, *op.cit.*, hlm. 36.

³⁹ Sebanyak 11 mesyuarat jawatankuasa induk dan 12 mesyuarat jawatankuasa kecil. Lihat Secretary of State for Commonwealth Relations and Secretary of State for the Colonies, *op.cit.*, hlm. 51.

*Satu Sejarah Tuntutan Sabah Dan Sarawak: Dari
Laporan IGC 1962 Ke 21 Tuntutan Ma63 (2018-2024)*

September 1962, Majlis Undangan Borneo Utara telah sebulat suara menerima pakai usul tarikh 31 Ogos 1963 sebagai Hari Malaysia:

*Be it resolved that this Council do welcome the decision in principle of the British and Malayan Governments to established Malaysia by the 31st August 1963, provided that the terms of participation and the constitutional arrangements will safeguard the special interests of North Borneo, and do accordingly authorise the following Members of this Council to represent North Borneo on the proposed Inter-Governmental Committee to prepare detailed constitutional arrangements which will lard before this Council.*⁴⁰

Tindakan yang sama diikuti oleh Majlis Negri Sarawak pada 26 September 1962:

*That this Council (a) welcome the decision in principle of the British and Malayan Government to establish Malaysia by the 31st August 1963, on the understanding that the special interests of Sarawak will be safeguarded; (b) notes that an Inter-Governmental Committee has been established to work out the detailed constitutional arrangements and the form of these safeguards, which will be laid before this Council.*⁴¹

Akhirnya, Laporan IGC 1962 yang mengandungi sejumlah 37 Perkara dalam tiga bab, serta empat lampiran (A-D) telah diterbitkan dan diserahkan kepada Kerajaan British dan Kerajaan Malaya pada 27 Februari 1963. Seterusnya Majlis Negri Sarawak telah mengambil keputusan memperakui Laporan IGC 1962 pada 8 Mac 1963. Manakala Majlis Undangan Borneo Utara telah memperakui Laporan IGC 1962 pada 13 Mac 1963.⁴²

Dengan saranan yang terkandung dalam Laporan IGC 1962 ini, maka MA63 telah dapat dimeteraikan di London pada 9 Julai 1963.⁴³ Perkembangan seterusnya ialah pada 15 Julai 1963, pilihan raya Majlis Daerah di Sarawak telah selesai dengan kemenangan majoriti Parti

⁴⁰ *Ibid.*, hlm. 7-8.

⁴¹ *Ibid.*, hlm. 8.

⁴² Bilcher Bala, Satu daripada Tiga Belas, *op.cit.*, hlm. 39.

⁴³ *The Straits Times*, Malaysia' Full Text of the Pact Signed in London, 10 Julai 1963, hlm. 8.

Perikatan Sarawak, dan penubuhan Kabinet telah diumumkan pada 22 Julai 1963, khususnya sebagai persediaan untuk mencapai status quo berkerajaan sendiri pada tarikh Hari Malaysia (31 Ogos 1963). Manakala di Borneo Utara, keputusan pilihan raya untuk Majlis Undangan yang telah berakhir pada 17 Julai 1963, yang dimenangi oleh Parti Perikatan Sabah, dan penubuhan Kabinet telah diumumkan pada 24 Julai 1963.⁴⁴ Walau bagaimanapun Gagasan Malaysia telah mendapat bantahan keras daripada negara jiran, iaitu Filipina dan Indonesia sehingga membawa kepada perundingan *Manila Accord* pada 31 Julai 1963,⁴⁵ yang menegaskan bahawa integrasi wilayah Borneo Utara dan Sarawak ke dalam satu persekutuan harus dijalankan secara konsisten berasaskan prinsip penentuan nasib sendiri (*self-determination*) yang digariskan oleh PBB. Pihak Filipina dan Indonesia meragui hasil Laporan Suruhanjaya Cobbold 1962 sebagai tidak mencerminkan sepenuhnya kehendak penduduk Borneo Utara dan Sarawak. Hal ini mencetuskan penubuhan *United Nations Malaysia Mission* (UNMM) untuk menjalankan semula tinjauan pendapat penduduk Borneo Utara dan Sarawak terhadap Gagasan Malaysia. Sementara itu, dengan cita-cita untuk mencapai status quo berkerajaan sendiri, pada 31 Ogos 1963, Borneo Utara dan Sarawak. Hasilnya Laporan UNMM yang diterbitkan pada 14 September 1963, menyatakan bahawa majoriti penduduk Borneo Utara dan Sarawak menyokong penyertaan dalam Persekutuan Malaysia.⁴⁶ Seterusnya, sambutan pengisytiharan Hari Malaysia telah diadakan pada waktu pagi 16 September 1963 di Jesselton dan Kuching, serta waktu petang di Stadium Merdeka.

Tinjauan Literatur

Sejarah memainkan peranan penting dalam membentuk tuntutan semasa, Nunn (2009) yang menekankan bahawa peristiwa sejarah seperti warisan kolonialisme memberi kesan jangka panjang terhadap perkembangan negara bekas jajahan,⁴⁷ seperti Malaysia, khususnya berkait tuntutan semasa oleh Sabah dan Sarawak. Pandangan ini disokong oleh Go (2024) yang menunjukkan sejarah atau gema

⁴⁴ Bilcher Bala, Satu daripada Tiga Belas, *op.cit.*, hlm. 39-40.

⁴⁵ *The Straits Times*, Text of the Letter to Than, 6 Ogos 1963, hlm. 16; *The Straits Times*, Hope Rises in Manila, 1 Ogos 1963, hlm. 10.

⁴⁶ *The Straits Times*, U.N. Report on Borneo Will Be Favourable, 13 September 1963, hlm. 1.

⁴⁷ Nathan Nunn, The Importance of History for Economic Development, *Annual Review of Economics*, Vol. 1 (1), 2009, hlm. 65-92. DOI: <https://www.jstor.org/stable/42940157>.

*Satu Sejarah Tuntutan Sabah Dan Sarawak: Dari
Laporan IGC 1962 Ke 21 Tuntutan MA63 (2018-2024)*

kolonial terus mempengaruhi masyarakat moden sehingga kini. Walaupun sejarah kolonialisme telah berakhir, tetapi kesan dari masa lalu kolonialisme masih dapat dilihat dalam struktur sosial, ekonomi dan politik moden pada hari ini.⁴⁸ Kesimpulannya, sejarah dalam konteks sama ada ekonomi, sosial atau politik mempunyai kesan jangka panjang terhadap masyarakat kini. Bukan sekadar mempengaruhi isu semasa, tetapi sejarah menyediakan panduan untuk menangani cabaran masa depan. Dalam konteks wacana ini, tuntutan terhadap pelaksanaan MA63 oleh Sabah dan Sarawak merupakan kesinambungan perjuangan sejarah yang berakar daripada proses pembentukan Malaysia itu sendiri. Hal ini dijelaskan dalam kajian Abdullah & Alih (2017) serta Bala (2018), yang menekankan bahawa Laporan IGC 1962 dan MA63 telah merangka asas perundangan yang menjamin hak khas kedua-dua wilayah, termasuk autonomi dalam bidang imigresen, pendidikan dan hasil bumi.⁴⁹ Peranan tokoh seperti Donald Stephens, seperti dihuraikan oleh Ginsari & Fernando (2014), memperlihatkan bagaimana suara rakyat Sabah diangkat dalam rundingan awal, namun pelaksanaan hak tersebut sering kali terpinggir dalam amalan pentadbiran persekutuan.⁵⁰

Selain itu, kajian kontemporari turut memberi perspektif baharu terhadap isu ini. Chin (2018) menyorot faktor lokal (tempatan) dan nasionalisme negeri dalam PRU14 yang mempengaruhi naratif autonomi Sabah dan Sarawak. Manakala Chin (2019) menekankan politik keluhan sejarah berkaitan MA63 sebagai asa tuntutan semasa.⁵¹ Chan (2018) pula meneliti dinamika Warisan Plus dan survival politik selepas PRU14, yang relevan untuk memahami bagaimana isu MA63 menjadi sebahagian daripada strategi politik negeri.⁵² Samad (2021)

⁴⁸ Julian Go, *Reverberations of Empire: How the Colonial Past Shapes the Present*, *Social Science History*, Vol. 48 (1), 2024, hlm. 1-18. DOI: <https://doi.org/10.1017/ssh.2023.37>.

⁴⁹ A. Rahman Tang Abdullah & Saidah Alih, *Proses Kemerdekaan Sabah dan Sarawak (1961-1963): Tinjauan Kembali Aplikasi Perundangan dalam Penubuhan Malaysia*, *Jurnal Jebat*, Vol. 44 (1), 2017, hlm. 24-57; Bilcher Bala, *Satu daripada Tiga Belas*, *op.cit.*

⁵⁰ Saimin Ginsari & Joseph M. Fernando, Donald Stephens dan Peranannya dalam Pembentukan Malaysia, *Jurnal Sejarah*, Vol. 23 (1), 2014, hlm. 175-202.

⁵¹ James Chin, Sabah and Sarawak in the 14th General Election 2018 (GE14): Local Factor and State Nationalism, *Journal of Current Southeast Asian Affairs*, Vol. 37 (3), 2018, hlm. 173-192, DOI: <https://doi.org/10.1177/186810341803700>; James Chin, The 1963 Malaysia Agreement (MA63): Sabah and Sarawak and the Politics of Historical Grievances, Dalam Lemiere, S. (ed.), *Minorities Matter: Malaysian Politics and People*, Volume III, Singapore: ISEAS, 2019, hlm. 75-92.

⁵² Chan Tsu Chong, Warisan Plus in Government: A Retrospective from the Campaign and Beyond, Dalam Bridget Welsh, Vilashini Somiah & Benjamin Loh (eds.), *Sabah from the*

menilai kegagalan pemulihan MA63 oleh Pakatan Harapan dan inisiatif awal Perikatan, yang mencerminkan jurang antara janji politik dan pelaksanaan.⁵³ Dalam konteks politik semasa, Abdullah & Mulia (2018), serta Annuar & Perman (2013) menunjukkan bagaimana isu MA63 kembali menjadi agenda wacana politik utama, khususnya dalam pilihan raya umum ke-14 dan ke-15.⁵⁴ Dari sudut teori, Fukuyama (2011) menjelaskan asal-usul susunan politik yang membantu memahami cabaran federalisme Malaysia dalam mengekalkan keseimbangan kuasa,⁵⁵ manakala Weber (2001) melalui konsep etika Protestan dan semangat kapitalisme memberi kerangka untuk menilai hubungan antara pembangunan ekonomi dan struktur kuasa dalam pembentukan negara-bangsa.⁵⁶ Woolf (2017) pula menekankan kepentingan naratif sejarah global dalam membentuk identiti politik moden, yang relevan untuk memahami kesinambungan tuntutan autonomi Sabah dan Sarawak.⁵⁷ Tambahan pula, perbincangan oleh Ibrahim et al. (2021) dan Layapan et al. (2022) mengenai perubahan istilah daripada "negeri" ke "wilayah" memperlihatkan usaha simbolik dan substantif untuk menuntut pengiktirafan semula status khas Sabah dan Sarawak.⁵⁸ Kesemua kajian ini menunjukkan bahawa tuntutan terhadap pelaksanaan penuh MA63 bukan sekadar isu politik atau reaksi terhadap ketidakseimbangan kuasa, tetapi merupakan kesinambungan naratif sejarah perjuangan yang menuntut pemulihan hak dan autonomi, serta maruah wilayah di Borneo yang telah lama berakar dalam naratif pembentukan negara Persekutuan Malaysia.

Ground: The 2020 Elections and the Politics of Survival, Singapore: ISEAS, 2021, hlm. 21-38.

⁵³ Johan Ariffin Samad, The 1963 Malaysia Agreement: Pakatan's Failed Restoration and Perikatan's Fledgling Initiatives, Dalam Bridget Welsh, Vilashini Somiah & Benjamin Loh (eds.), *Sabah from the Ground: The 2020 Elections and the Politics of Survival*, Singapore: ISEAS, 2021, hlm. 41-59.

⁵⁴ Tang Abdullah & Pandikar Amin Mulia, Isu Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) dan Hak Autonomi Sabah dan Sarawak dalam Konteks Sejarah dan PRU-14, *Jurnal Kinabalu*, Edisi Khas, 2018, hlm. 291-317; Sharifah Nursyahidah Syed Annuar & Azwan Ahzran Perman, Pilihanraya Umum Ke-15 di Sabah: Isu, Trend dan Cabaran, *Jebat: Malaysia Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol. 50 (2), 2013, hlm. 200-223.

⁵⁵ Francis Fukurama, *The Origins of Political Order: From Prehuman Times to the French Revolution*, London: Profile Books Ltd, 2011.

⁵⁶ Max Weber, *The Protestant Ethic and the Spirit of Capitalism*, New York: Routledge, 2001.

⁵⁷ Alex Woolf, *The History of the World: The Story of Mankind from Prehistory to the Modern Day*, London: Arcturus Publishing Limited, 2017.

⁵⁸ Mohd. Azri Ibrahim et al., Cabaran dan Makna Tersirat Arahan Perubahan Terma Panggilan Sabah dan Sarawak dari Negeri ke Wilayah, *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Vol. 6 (7), 2021, hlm. 109-117; Madiyem Layapan et al., Transformasi dari 'Negeri' ke 'Wilayah': Satu Perbincangan Awal, *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Vol. 7 (6), 2022, hlm. 1-19.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan sejarah untuk menganalisis dokumen dan peristiwa tentang perkembangan tuntutan 21 hak Sabah dan Sarawak serta kesinambungannya dengan peruntukan dalam Laporan IGC. Pendekatan sejarah dalam analisis dokumen dan peristiwa melibatkan beberapa langkah dan metodologi yang penting untuk memahami konteks masa lalu dan implikasinya terhadap masa kini. Sejarawan menggunakan sumber primer seperti dokumen kerajaan, laman web rasmi, dan laporan media massa untuk mendapatkan gambaran langsung tentang peristiwa masa lalu. Manakala sumber sekunder, seperti artikel jurnal, buku dan bahan Internet juga penting untuk memahami konteks dan analisis yang telah dilakukan sebelumnya (Wolf, 2018; Blakemore & Streifthau, 1979). Pendekatan sejarah dalam analisis dokumen dan peristiwa membolehkan pemahaman yang lebih mendalam tentang masa lalu dan bagaimana ia membentuk masa kini. Dengan menggunakan pelbagai metodologi, sejarawan dapat membina naratif yang lebih kaya dan tepat, serta mengantisipasi implikasi masa depan berdasarkan pemahaman sejarah.

Sumber data yang digunakan, termasuk dokumen rasmi, laporan media massa, dan bahan Internet. Penggunaan data yang bersumberkan dokumen rasmi dan media massa telah menjadi amalan biasa dalam penyelidikan pelbagai bidang ilmu, termasuk Sejarah. Dokumen rasmi digunakan sebagai sumber data, yang memberikan maklumat yang berharga dalam penyelidikan kualitatif (Kiyimba, et.al., 2018). Sumber utama ialah Laporan IGC 1962 sebagai dokumen rasmi yang menggubal asas MA63. Manakala dokumen MA63 harus dirujuk untuk melihat sejauh mana peruntukan Laporan IGC 1962 diterjemahkan. Seterusnya merujuk laporan atau pernyataan rasmi daripada kerajaan atau jawatankuasa berkaitan dalam Hansard Parlimen dan media massa untuk menemukan hasil rundingan yang dijalankan terhadap 21 Tuntutan hak Sabah dan Sarawak. Di samping itu, data dari media massa perlu digunakan untuk mengukur perhatian individu, institusi dan masyarakat umum terhadap isu 21 Tuntutan. Hal ini mengambil kira kejadian yang dilaporkan dalam media massa apabila tiada sumber data sistematik lain tersedia (Woolley, 2000; Weidmann, 2015). Walaupun sering dianggap sebagai sumber sekunder, tetapi media massa adalah sebagai data primer kerana ia

wujud, iaitu dilaporkan atau direkodkan sebaik sahaja sesuatu kejadian berlaku. Manakala sumber sekunder, termasuk sumber Internet digunakan untuk menemukan data sokongan dalam bentuk hasil tafsiran sarjana berkait tuntutan hak Sabah dan Sarawak. Penggunaan sumber Internet dalam kajian sejarah menjadi semakin penting dan meluas pada abad ke-21 ini. Internet menyediakan pelbagai jenis maklumat yang boleh diakses secara terbuka, seperti laman web kerajaan dan institusi yang berguna untuk penyelidikan sejarah. Walaupun Internet berpotensi besar memperkayakan kajian Sejarah, langkah berhati-hati amat diperlukan dalam memilih sumber yang sahih dan menggunakannya dengan bijak.

Analisis data dilakukan bagi meneliti kesinambungan Laporan IGC 1962 dalam 21 Tuntutan harus bersifat historikal-analitik dengan dua pendekatan, iaitu analisis dokumen, dan analisis perbandingan. Pendekatan dokumentasi melibatkan analisis konteks, khususnya meneliti faktor sejarah seperti perubahan sistem pentadbiran kerajaan, pembaharuan perlembagaan, dan rundingan antara kerajaan dalam mempengaruhi tuntutan hak Sabah dan Sarawak. Manakala pendekatan perbandingan antara Laporan IGC 1962 dan 21 Tuntutan bertujuan untuk melihat sama ada 21 Tuntutan ini berakar umbi dalam Laporan IGC atau merupakan tuntutan baru (yang tidak terkandung dalam Laporan IGC 1962), yang timbul akibat perubahan dalam landskap politik semasa di Malaysia. Secara keseluruhan, metodologi dalam kajian ini dapat memastikan kajian dilakukan secara sistematik dan dapat memberikan gambaran jelas tentang kesinambungan, perubahan, dan relevansi 21 Tuntutan berdasarkan peruntukan asal dalam Laporan IGC 1962.

Laporan IGC 1962

Perkara paling asas yang diputuskan oleh IGC bagi Perjanjian Malaysia dinyatakan pada Perkara 11 dan 12, iaitu meminda Perlembagaan Persekutuan Malaya yang sedia ada untuk memenuhi keperluan negeri baru dan menukar nama Persekutuan, serta draf Perlembagaan negeri baru. Jika negeri baru, iaitu Borneo Utara dan Sarawak (dirujuk sebagai Negeri Borneo) menerima Perlembagaan Persekutuan Malaysia akan berdasarkan Perlembagaan Persekutuan Malaya 1957, maka draf perjanjian rasmi akan disediakan dan ditandatangani oleh wakil dari

United Kingdom, Persekutuan Malaya, Borneo Utara dan Sarawak.⁵⁹ Manakala Perkara 14 dalam Laporan IGC 1962 menyatakan bahawa keperluan Negeri Borneo boleh dipenuhi dengan janji atau jaminan yang diberikan oleh Kerajaan Malaya daripada peruntukan Perlembagaan, serta janji dan jaminan lain akan ditangani dalam pertukaran surat antara kerajaan. Perkara 14 ini adalah penting dalam konteks pembentukan Malaysia. Perkara 14 menyatakan bahawa keperluan Negeri Borneo akan dipenuhi melalui janji atau jaminan yang diberikan oleh Kerajaan Malaya. Ini bermakna, segala keperluan dan kebimbangan yang dihadapi oleh negeri ini akan diambil kira dan dijamin oleh Kerajaan Malaya melalui peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan. Janji atau jaminan ini merujuk kepada peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan yang akan memastikan hak dan keistimewaan Negeri Borneo terpelihara. Hal ini termasuklah hak autonomi dalam beberapa bidang seperti imigresen, pendidikan, dan bahasa rasmi. Selain daripada peruntukan dalam Perlembagaan, terdapat juga janji dan jaminan lain yang akan ditangani melalui pertukaran surat antara kerajaan. Hal ini bermakna, sebarang isu atau kebimbangan tambahan yang mungkin timbul akan diselesaikan melalui komunikasi rasmi antara kerajaan Negeri Borneo dan Kerajaan Malaya. Secara keseluruhannya, Perkara 14 dalam Laporan IGC 1962 bertujuan untuk memastikan bahawa keperluan dan hak Negeri Borneo diambil kira dan dilindungi dalam pembentukan Malaysia, melalui peruntukan perlembagaan dan komunikasi rasmi antara kerajaan.

Bab I dalam Laporan IGC 1962 memberikan gambaran umum mengenai latar belakang pembentukan Malaysia. Idea untuk membentuk Malaysia timbul daripada keperluan untuk menggabungkan Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sabah, Sarawak, dan Brunei menjadi satu entiti politik dan ekonomi yang lebih kukuh. Penggabungan ini dilihat sebagai langkah strategik untuk mengukuhkan kestabilan politik dan ekonomi di rantau ini, serta untuk menghadapi ancaman luar yang semakin meningkat, termasuk pengaruh komunis. Bab I menggariskan tujuan dan objektif pembentukan Malaysia. Antara objektif utama adalah untuk meningkatkan kestabilan politik, mempercepatkan pembangunan ekonomi, dan mengukuhkan pertahanan terhadap ancaman luar. Pembentukan Malaysia diharapkan dapat membawa kepada penyatuan

⁵⁹ Secretary of State for Commonwealth Relations and Secretary of State for the Colonies, *op.cit.*, hlm. 9.

sumber dan tenaga, yang seterusnya akan mempercepatkan proses pembangunan dan kemajuan di semua negeri yang terlibat. Selain itu, pembentukan Malaysia juga bertujuan untuk memastikan bahawa semua negeri yang bergabung dapat menikmati faedah yang sama dari segi pembangunan dan kemajuan ekonomi. Bab I juga menerangkan proses perundingan yang dijalankan antara kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, kerajaan British, dan pemimpin-pemimpin dari Sabah, Sarawak, dan Singapura. Perundingan ini bertujuan untuk mencapai persetujuan mengenai syarat-syarat pembentukan Malaysia dan memastikan bahawa kepentingan semua pihak diambil kira. Proses perundingan ini adalah penting untuk memastikan bahawa semua negeri yang terlibat bersetuju dengan syarat pembentukan Malaysia dan bahawa hak dan keistimewaan mereka dilindungi. Pada akhir Bab I menyentuh mengenai peranan Suruhanjaya Cobbold yang ditubuhkan untuk meninjau pandangan penduduk di Sabah dan Sarawak mengenai gagasan Malaysia. Laporan Suruhanjaya ini menunjukkan bahawa majoriti penduduk menyokong pembentukan Malaysia, dengan beberapa syarat dan jaminan tertentu. Suruhanjaya Cobbold memainkan peranan penting dalam memastikan bahawa pandangan dan kebimbangan penduduk di Sabah dan Sarawak diambil kira dalam proses pembentukan Malaysia. Secara keseluruhannya, Bab I dalam Laporan IGC 1962 bertujuan untuk memberikan konteks dan latar belakang yang jelas mengenai pembentukan Malaysia, serta menjelaskan proses dan objektif yang terlibat dalam usaha ini. Laporan ini menekankan pentingnya kerjasama dan persetujuan semua pihak yang terlibat untuk memastikan kejayaan pembentukan Malaysia.

BAB II dalam Laporan IGC 1962 menggariskan bahawa Persekutuan Malaysia akan terdiri daripada negeri dalam Persekutuan Malaya yang sedia ada, Sabah (dahulu dikenali sebagai Borneo Utara), Sarawak, dan Singapura. Brunei juga akan dimasukkan jika persetujuan dicapai. Pembentukan ini adalah langkah penting dalam usaha untuk menggabungkan entiti politik dan ekonomi yang berbeza menjadi satu persekutuan yang lebih kukuh dan stabil. Penggabungan ini diharapkan dapat membawa kepada peningkatan kestabilan politik dan ekonomi di rantau ini, serta memperkukuhkan pertahanan terhadap ancaman luar. Struktur kerajaan persekutuan yang dicadangkan dibincangkan secara terperinci dalam bab ini. Ia menggariskan pembahagian kuasa antara kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri, serta peranan dan tanggungjawab setiap peringkat kerajaan untuk memastikan pentadbiran yang berkesan dan efisien.

*Satu Sejarah Tuntutan Sabah Dan Sarawak: Dari
Laporan IGC 1962 Ke 21 Tuntutan Ma63 (2018-2024)*

Pembahagian kuasa ini adalah penting untuk memastikan bahawa setiap negeri dalam persekutuan mempunyai autonomi dalam bidang tertentu, sambil memastikan bahawa kerajaan persekutuan mempunyai kuasa yang mencukupi untuk menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan keseluruhan persekutuan. Bab II juga membincangkan perjanjian dan jaminan yang diberikan kepada Sabah dan Sarawak untuk memastikan bahawa hak dan keistimewaan mereka dilindungi dalam Persekutuan Malaysia. Hal ini termasuk autonomi dalam bidang tertentu seperti imigresen, pendidikan, dan bahasa rasmi. Jaminan ini adalah penting untuk memastikan bahawa kepentingan Negeri Borneo diambil kira dan dilindungi dalam persekutuan yang baru dibentuk. Autonomi dalam bidang tersebut membolehkan Sabah dan Sarawak menguruskan hal-ehwal dalaman mereka dengan lebih bebas, sambil tetap menjadi sebahagian daripada Persekutuan Malaysia. Bab II turut menerangkan proses perundingan yang dijalankan antara kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, kerajaan British, dan pemimpin dari Sabah, Sarawak, dan Singapura. Perundingan ini bertujuan untuk mencapai persetujuan mengenai syarat pembentukan Malaysia dan memastikan bahawa kepentingan semua pihak diambil kira. Proses perundingan ini adalah penting untuk memastikan bahawa semua pihak yang terlibat bersetuju dengan syarat-syarat pembentukan Malaysia dan bahawa hak dan keistimewaan mereka dilindungi. Perundingan yang teliti dan inklusif ini membantu memastikan bahawa pembentukan Malaysia adalah adil dan seimbang. Secara keseluruhannya, Bab II bertujuan untuk memastikan bahawa pembentukan Malaysia adalah adil dan seimbang, mengambil kira kepentingan semua negeri yang akan membentuk Malaysia. Laporan ini menekankan pentingnya kerjasama dan persetujuan semua pihak yang terlibat untuk memastikan kejayaan pembentukan Malaysia.

Bab III dalam Laporan IGC 1962 menerangkan susunan perlembagaan yang dicadangkan, yang merangkumi pelbagai aspek dalam sejumlah 30 Perkara dan dibincangkan dengan teliti untuk memastikan bahawa perlembagaan yang dicadangkan adalah adil dan seimbang, serta mengambil kira kepentingan semua pihak yang terlibat. Hal ini dapat memastikan kejayaan pembentukan Malaysia. Penjelasan terperinci bagi setiap aspek (Perkara) yang dicadangkan untuk susunan Perlembagaan Malaysia ditunjukkan pada Lampiran 1. Secara keseluruhannya, BAB III dalam Laporan IGC 1962 bertujuan untuk memastikan bahawa susunan perlembagaan yang dicadangkan adalah adil dan seimbang, mengambil kira kepentingan semua negeri

yang akan membentuk Malaysia. Laporan ini menekankan pentingnya kerjasama dan persetujuan semua pihak yang terlibat untuk memastikan kejayaan pembentukan Malaysia.

Hasil kerja IGC menjadi asas kepada pembentukan Malaysia dengan jaminan hak tertentu untuk Negeri Borneo telah dimaktubkan ke dalam Perlembagaan Malaysia. Hakikatnya, laporan IGC 1962 adalah laporan sebulat suara. Pemimpin Borneo Utara dan Sarawak berpuas hati bahawa perlindungan yang dianggap perlu untuk memenuhi syarat khas penyertaan dalam Gagasan Malaysia telah diperolehi. Pada masa yang sama, mereka juga menerima keperluan untuk sebuah Kerajaan Persekutuan yang mempunyai kuasa yang mencukupi untuk menyatukan persekutuan, dan untuk membina perpaduan persekutuan yang kukuh. Sikap muhibah Kerajaan Malaya dengan bersetuju bahawa Borneo Utara dan Sarawak, yang mempunyai satu perempat juta penduduk daripada jumlah keseluruhan 10 juta penduduk persekutuan sepatutnya mempunyai 40 daripada 159 kerusi di Parlimen, merupakan faktor penentu dalam meyakinkan pemimpin mereka terhadap Gagasan Malaysia. Hal ini merupakan tawaran tulen perkongsian sebenar, dan tidak ada soal tawaran pengambilalihan wilayah.⁶⁰ Dengan kata lain, Laporan IGC 1962 berperanan penting kepada Gagasan Malaysia dengan memastikan bahawa beberapa perkara asas yang dianggap sebagai penting kepada hak Borneo Utara dan Sarawak adalah terjamin dilindungi dalam persekutuan baru⁶¹ yang bakal dinamakan Persekutuan Malaysia. Hak ini kekal terjaga walaupun selepas Malaysia berjaya dibentuk.

21 Tuntutan MA63

Pada tahun 2016, sebuah jawatankuasa pemandu telah ditubuhkan untuk mengkaji kuasa negeri Sarawak dan Sabah yang terhakis di bawah Perlembagaan Persekutuan dan MA63. Di bawah pentadbiran Perdana Menteri Keenam, Najib Abdul Razak, usaha untuk menyemak

⁶⁰ UK Parliament, *Malaysia Bill, Historic Hansard, HL Deb 26 July 1963 vol 252 cc932-79*, <https://api.parliament.uk/historic-hansard/lords/1963/jul/26/malaysia-bill>, diakses 4 Mac 2025.

⁶¹ Great Britain, Commission of Enquiry, North Borneo and Sarawak, *op.cit.*; *Dayak Daily*, Whither the Safeguarding of Borneo State's Special Interest?, 29 September 2022, <https://dayakdaily.com/whither-the-safeguarding-of-borneo-states-special-interests/>, diakses 24 Februari 2025.

*Satu Sejarah Tuntutan Sabah Dan Sarawak: Dari
Laporan IGC 1962 Ke 21 Tuntutan Ma63 (2018-2024)*

pelaksanaan MA63 telah dimulakan melalui penubuhan sebuah Jawatankuasa Pemandu Pelaksanaan *Devolution of Authority* (JKDA).⁶² Jawatankuasa ini ditubuhkan bagi mengkaji pelaksanaan penurunan kuasa kepada Sabah dan Sarawak melalui tiga peringkat utama. Peringkat pertama dimulakan dengan perjumpaan di Kuching pada 20 Januari 2016 antara Perdana Menteri Malaysia, Ketua Menteri Sarawak (Adenan Satem) dan Ketua Menteri Sabah (Musa Aman). Dalam pertemuan tersebut, sebanyak 13 perkara pentadbiran telah dipersetujui untuk dilaksanakan. Peringkat kedua memberi tumpuan kepada isu hak negeri, khususnya berkaitan fenomena 'encroachment' oleh Kerajaan Persekutuan terhadap kuasa yang termaktub dalam Senarai Negeri. Peringkat ketiga pula melibatkan rundingan mengenai royalti minyak dan gas, serta perbahasan tentang kesahan Akta Laut Wilayah 2012 dan Akta Pembangunan Petroleum 1974.⁶³ Walaupun terdapat usaha awal pada tahun 2016 melalui penubuhan jawatankuasa untuk penurunan kuasa, jawatankuasa pemandu yang lebih komprehensif untuk mengkaji pelaksanaan penuh MA63 dan isu berkaitan kuasa negeri ditubuhkan pada tahun 2018.

Selepas kemenangan Pakatan Harapan (PH) pada Pilihan Raya Umum ke-14 (2018), terdapat janji daripada Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk mengembalikan hak Sabah dan Sarawak di bawah MA63. Walau bagaimanapun, jawatankuasa khusus yang ditubuhkan untuk menyemak pelaksanaan MA63 secara menyeluruh, termasuk isu berkaitan kuasa negeri yang terhakis, telah dibentuk kemudian. Pada 5 September 2018, Jemaah Menteri bersetuju menubuhkan sebuah Jawatankuasa Khas Kabinet untuk menyemak pelaksanaan MA63. Mesyuarat pertama jawatankuasa ini diadakan pada 17 Disember 2018, di mana 21 isu tuntutan telah dikenal pasti untuk diteliti dan dikaji. Pada tahun 2019, sebuah Jawatankuasa Khas MA63 ditubuhkan untuk mengkaji semula hak Sabah dan Sarawak. Kedua-duanya telah mengemukakan 21 Perkara, yang merupakan syarat penting untuk menyertai pembentukan Persekutuan Malaysia.

⁶² *Dayak Daily*, Penurunan Kuasa antara Kerajaan Persekutuan dan Sarawak, Sabah Berjalan Lancar, 29 Mac 2018, https://dayakdaily.com/penurunan-kuasa-antara-kerajaan-persekutuan-dan-sarawak-sabah-berjalan-lancar/#google_vignette, diakses 4 Mac 2025.

⁶³ *Astro Awani*, Adenan Senaraikan 13 Perkara Dipersetujui, 21 Januari 2016, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/adenan-senaraikan-13-perkara-dipersetujui-90767>, diakses pada 2 Mei 2025; *The Borneo Post*, Rundingan dengan Perdana Menteri Mengenai Penurunan Kuasa kepada Kerajaan Negeri, Positif, 21 Januari 2016, <https://www.theborneopost.com/2016/01/21/rundingan-dengan-perdana-menteri-mengenai-penurunan-kuasa-kepada-kerajaan-negeri-positif/>, diakses pada 2 Mei 2025.

Daripada jumlah itu, sejumlah 17 Perkara yang telah dipersetujui,⁶⁴ iaitu:

1. Duti Eksport Balak dan Hasil Hutan di Negeri Sabah: Tuntutan agar duti eksport balak dan hasil hutan dikutip oleh kerajaan negeri Sabah sebagai sumber pendapatan tambahan.
2. Pengedaran Gas dan Kuasa Kawal Selia Elektrik dan Gas di Negeri Sarawak dan Sabah: Tuntutan agar kuasa kawal selia pengedaran gas dan elektrik diserahkan kepada kerajaan negeri Sarawak dan Sabah.
3. Pelaksanaan Kerja Raya Persekutuan di Negeri Sarawak dan Sabah: Tuntutan agar pelaksanaan kerja raya persekutuan di Sarawak dan Sabah diuruskan oleh Jabatan Kerja Raya negeri masing-masing.
4. Tenaga Buruh di Negeri Sarawak dan Sabah: Tuntutan agar pengurusan tenaga buruh di Sarawak dan Sabah diselaraskan dengan keperluan tempatan.
5. Kuasa Negeri ke atas Isu Kesihatan di Negeri Sarawak dan Sabah: Tuntutan agar kuasa ke atas isu kesihatan diserahkan kepada kerajaan negeri Sarawak dan Sabah.
6. Pentadbiran Pulau Sipadan dan Ligitan di Negeri Sabah: Tuntutan agar pentadbiran Pulau Sipadan dan Ligitan diserahkan kepada kerajaan negeri Sabah.
7. Isu Pertanian dan Perhutanan: Tuntutan agar pengurusan isu pertanian dan perhutanan diserahkan kepada kerajaan negeri Sarawak dan Sabah.
8. Obligasi Kewangan Persekutuan di Bawah Senarai Bersama: Tuntutan agar obligasi kewangan persekutuan di bawah Senarai Bersama dipenuhi oleh kerajaan persekutuan.
9. Semakan Semula Pemberian Khas: Tuntutan agar pemberian khas kepada Sabah dan Sarawak disemak semula untuk mencerminkan keperluan semasa.
10. Penangkapan Ikan, Perikanan Laut dan Muara: Tuntutan agar kuasa kawal selia penangkapan ikan, perikanan laut dan muara diserahkan kepada kerajaan negeri Sarawak dan Sabah.
11. Tanah Diberi Hak milik kepada Persekutuan di Negeri Sabah dan Sarawak: Tuntutan agar tanah yang diberi hak milik kepada

⁶⁴ *Sinar Harian*, Kegagalan Pindaan Perlembagaan Persekutuan pada 2019 Bukan Salah PH, 12 Disember 2021, <https://www.sinarharian.com.my/article/177498/pilihan-raja/prn-sarawak/kegagalan-pinda-perlembagaan-persekutuan-pada-2019-bukan-salah-ph>, diakses pada 2 Mei 2025.

*Satu Sejarah Tuntutan Sabah Dan Sarawak: Dari
Laporan IGC 1962 Ke 21 Tuntutan Ma63 (2018-2024)*

persekutuan di Sabah dan Sarawak dikembalikan kepada kerajaan negeri.

12. Kuasa Baki Perundangan mengenai Alam Sekitar dan Pelancongan: Tuntutan agar kuasa baki perundangan mengenai alam sekitar dan pelancongan diserahkan kepada kerajaan negeri Sarawak dan Sabah.
13. Perkara 112 Perlembagaan Persekutuan (Pertambahan Perjawatan): Tuntutan agar pertambahan perjawatan perkhidmatan awam di Sarawak dan Sabah dipenuhi.
14. Penurunan Kuasa kepada Mahkamah Sabah dan Sarawak: Tuntutan agar kuasa pentadbiran mahkamah diserahkan kepada kerajaan negeri Sarawak dan Sabah.
15. Bidang Kuasa Hakim Besar Sabah dan Sarawak, Autonomi Pentadbiran Mahkamah Sabah dan Sarawak dan Pengalaman Kehakiman Borneo di Mahkamah Rayuan bagi Mendengar Kes Difaillkan di Borneo: Tuntutan agar bidang kuasa Hakim Besar Sabah dan Sarawak serta autonomi pentadbiran mahkamah diperkukuhkan.
16. Pelantikan Pesuruhjaya Kehakiman: Tuntutan agar pelantikan Pesuruhjaya Kehakiman di Sarawak dan Sabah diserahkan kepada kerajaan negeri.
17. Duti Setem yang Dikenakan ke atas Instrumen Pemindahan, Caj, Menyewakan Tanah di Bawah Ordinan Tanah Sarawak dan Sabah: Tuntutan agar duti setem yang dikenakan ke atas instrumen pemindahan, caj, dan menyewakan tanah di bawah Ordinan Tanah Sarawak dan Sabah dikawal oleh kerajaan negeri.

Manakala empat perkara yang belum dipersetujui,⁶⁵ ialah:

1. Sempadan Laut: Penentuan sempadan laut antara negeri dan persekutuan.
2. Royalti Minyak: Pembahagian royalti minyak antara negeri dan persekutuan.
3. Duti Setem: Pengurusan duti setem di Sabah dan Sarawak.
4. Kerusi Parlimen: Tuntutan satu pertiga kerusi Parlimen untuk Sabah dan Sarawak.

Walau bagaimanapun, usaha PH untuk meminda Perlembagaan Persekutuan pada tahun 2019 bagi mengiktiraf Sabah dan Sarawak sebagai rakan sekutu dalam Malaysia gagal mendapat sokongan

⁶⁵ *Ibid.*

majoriti dua pertiga di Parlimen.⁶⁶ Hal ini menyebabkan kekecewaan dalam kalangan rakyat Sabah dan Sarawak kerana perubahan yang diharapkan tidak direalisasikan. Usaha pindaan telah diteruskan oleh Kerajaan Keluarga Malaysia (PN-BN) pada tahun 2021, dan berjaya diluluskan selaras dengan semangat MA63.⁶⁷ Tanpa sokongan majoriti yang diperlukan, pindaan tersebut tidak dapat dilaksanakan. Daripada 17 Perkara yang telah dipersetujui, sejumlah 10 Perkara yang telah dapat diselesaikan dalam tempoh dari tahun 2018 hingga 2024, iaitu:

1. Jabatan Kerja Raya (JKR): Pengiktirafan JKR Sabah dan Sarawak sebagai Jabatan Teknik.
2. Kawal Selia Bekalan Gas: Penyerahan kuasa kawal selia bekalan gas.
3. LHDN: Pindaan Akta LHDN 1995 untuk melantik wakil kerajaan negeri Sabah dan Sarawak sebagai anggota tetap.
4. Pentadbiran Badan Kehakiman: Penyelesaian pentadbiran badan kehakiman di Sabah dan Sarawak.
5. Penyerahan Semula Tanah: Garis panduan khas penyerahan semula tanah dirizabkan bagi maksud Persekutuan di Sabah dan Sarawak.
6. *Sabah Electricity Sdn. Bhd.* (SESB): Penyerahan kuasa kawal selia elektrik dan SESB kepada kerajaan Sabah.
7. Pindaan Perkara 95B: Pindaan Perkara 95B berkaitan ubah suai bagi Sabah dan Sarawak mengenai Pembahagian Perundangan.
8. Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan: Penyerahan kuasa ke atas pentadbiran Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan kepada Sabah.
9. Pindaan Perlembagaan Persekutuan: Pindaan Perkara 1 (2) dan Perkara 160 (2) Perlembagaan Persekutuan.
10. Pelesenan dan Penangkapan Ikan Laut Dalam: Pemberian kuasa berkaitan pelesenan dan penangkapan ikan laut dalam kepada Sabah dan Sarawak.
11. Kawal Selia Gas Petroleum Cecair (LPG): Penyerahan kuasa kawal selia LPG kepada Sarawak.

⁶⁶ *Berita Harian*, PH Kecwa Pembangkang Gagalkan Usaha Kembalikan Status Sabah, Sarawak, 10 April 2019, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/04/550999/ph-kecewa-pembangkang-gagalkan-usaha-kembalikan-status-sabah-sarawak>, diakses pada 2 Mei 2025.

⁶⁷ *Berita Harian*, Pindaan Perlembagaan Kukuh Kedudukan Sabah, Sarawak, 14 Disember 2021, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/12/898889/pindaan-perlembagaan-kukuh-kedudukan-sabah-sarawak>, diakses pada 2 Mei 2025.

*Satu Sejarah Tuntutan Sabah Dan Sarawak: Dari
Laporan IGC 1962 Ke 21 Tuntutan MA63 (2018-2024)*

Dalam tempoh 2019–2024, sebanyak 11 daripada 17 tuntutan MA63 telah merealisasikan penurunan kuasa kepada Sabah dan Sarawak melalui pelbagai bidang. Kerajaan Negeri Sabah kini mengutip duti eksport balak dan hasil hutan, bertujuan menambah sumber pendapatan negeri (2018). Dalam sektor tenaga, kuasa kawal selia pengedaran gas dan elektrik telah dipindahkan kepada kerajaan negeri Sabah dan Sarawak. Sarawak menubuhkan Unit Kawal Selia Gas dan menguatkuasakan Akta Pengedaran Gas 2016, manakala Sabah menubuhkan Suruhanjaya Tenaga Sabah serta menggubal Enakmen Bekalan Gas 2023. Kedua-dua langkah ini dilaksanakan selaras dengan peruntukan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) bagi memperkukuh autonomi negeri dalam bidang tenaga.⁶⁸

Dalam sektor infrastruktur, JKR dan JPS Sabah & Sarawak kini diiktiraf sebagai Jabatan Teknik di bawah Arahan Perbendaharaan 182, membolehkan negeri ini melaksanakan projek persekutuan bernilai sehingga RM50 juta. Reformasi Ordinan Buruh Sabah dan Sarawak juga telah dijalankan, selaras dengan Akta Kerja Persekutuan, memastikan hak pekerja dipertahankan.⁶⁹ Dalam sistem kesihatan, Sarawak telah memperoleh kuasa dalam bidang seperti pendaftaran klinik, pelesenan dan penguatkuasaan perkhidmatan kesihatan, melalui delegasi kuasa dari KKM pada 2024. Bagi Sabah, pentadbiran Pulau Sipadan dan Ligitan telah dikembalikan kepada kerajaan negeri, kekal dalam pengawasan keselamatan persekutuan.⁷⁰ Bidang pertanian dan perhutanan kini diserahkan sepenuhnya kepada kedua-dua negeri, mengizinkan pengurusan lebih berfokus dan efektif, walaupun tidak

⁶⁸ *Malay Mail*, Sabah Timber Group Calls Proposed Log Export Ban Detrimental, 16 Jun 2018, <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2018/06/16/sabah-timber-group-calls-proposed-log-export-ban-detrimental/1642523>, diakses pada 2 Mei 2025; *The Borneo Post*, 2 Mei 2025, Sarawak's Right to Regulate Gas Fully Backed by MA63, Federal Constitution, Says Kota Sentosa Rep, <https://www.theborneopost.com/2025/05/02/sarawaks-right-to-regulate-gas-fully-backed-by-ma63-federal-constitution-says-kota-sentosa-rep/>, diakses pada 2 Mei 2025.

⁶⁹ Kementerian Kerja Raya Malaysia, Kenyataan Media: KKR Sambut Baik Pengumuman PM Berkenaan Tadbir Urus Projek Infra Sabah Sarawak, 5 Januari 2023; *Human Resources*, Sabah & Sarawak's Labour Ordinance (Amendment) Acts 2025 Now in Force Effective 1 May, 2 Mei 2025, <https://production.humanresourcesonline.net/sabah-sarawak-s-labour-ordinance-amendment-acts-2025-now-in-force-effective-1-may>, 2 Mei 2025.

⁷⁰ *Dayak Daily*, MA63: Putrajaya Agrees to Return Health Autonomy on Clinic Registration, Licensing, Enforcement to Sarawak, 19 November 2024, <https://dayakdaily.com/ma63-putrajaya-agrees-to-return-health-autonomy-on-clinic-registration-licensing-enforcement-to-sarawak/>, diakses 2 Mei 2025; *Sabahkini2*, Majlis Khas MA63 Kembalikan Pentadbiran Pulau Ligitan kepada Sabah, 15 April 2021, <https://sabahkini2.com/en/news/3664/majlis-khas-ma63-kembalikan-pentadbiran-pulau-sipadan-ligitan-kepada-sabah/view>, diakses pada 2 Mei 2025.

dipamerkan secara eksplisit, ia termuat dalam pernyataan resolusi daripada mesyuarat MA63. Dari segi kewangan, kerajaan persekutuan memberi komitmen untuk memenuhi obligasi kewangan di bawah Senarai Bersama, termasuk pengiktirafan wakil negeri dalam Lembaga Hasil Dalam Negeri.⁷¹ Justeru itu, sebagai penyelesaian interim, kadar pemberian khas kepada Sabah dan Sarawak dinaikkan kepada RM300juta dari tahun 2023, dipersetujui dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Pelaksanaan Perjanjian Malaysia (MTPMA63) pada 20 Januari 2023 dan telah mula dibayar November 2023.⁷² Bidang maritim pula menyaksikan Sabah dan Sarawak mendapat kuasa kawal selia penangkapan ikan, perikanan laut dan muara, iaitu seruan rasmi yang turut dijadikan bahagian resolusi terhadap 11 Tuntutan MA63. Akhir sekali, tanah yang dikuasai persekutuan kini dalam proses dipulangkan kepada kerajaan negeri, sebagai sebahagian daripada penyediaan “garis panduan penyerahan semula tanah persekutuan” dalam dokumen MA63.⁷³ Secara keseluruhannya, penyerahan 11 bidang ini menegaskan komitmen berterusan kerajaan persekutuan dalam pelaksanaan MA63, sekaligus memperkukuh autonomi Sabah dan Sarawak dalam kerangka federalisme Malaysia.

Perbincangan

Usaha untuk menyemak pelaksanaan MA63 telah dimulakan oleh pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional (BN) lagi di bawah kepimpinan Perdana Menteri Najib Razak, khususnya pada tahun 2016 telah menubuhkan Jawatankuasa Pemandu Pelaksanaan *Devolution of Authority* atau juga disebutkan sebagai Jawatankuasa *Devolution of Authority* (JKDA).⁷⁴ Ekoran perbincangan antara Kerajaan Persekutuan

⁷¹ *Sabah First Info*, MA63: Sembilan Tuntutan Asa Selesai Sepenuhnya-TPM, <https://sabahfirstinfo.com/ma63-semilan-tuntutan-asas-selesai-sepenuhnya-tpm/>, diakses pada 3 Mei 2025; *Dayak Daily*, 11 MA63 Issues Resolved, More Under Discussions, Says Sabah Deputy CM, 27 Julai 2024, <https://dayakdaily.com/11-ma63-issues-resolved-more-under-discussions-says-sabah-deputy-cm/>, diakses pada 3 Mei 2025.

⁷² *Malay Mail*, Payment of Special Grants to Sabah, Sarawak Completed, Says PM Anwar, 29 November 2023, <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/11/29/payment-of-special-grants-to-sabah-sarawak-completed-says-pm-anwar/104863>, diakses pada 4 Mei 2025.

⁷³ *The Vibes*, MA63: Nine Demands Resolved, Says Fadillah, 5 Mac 2024, <https://www.thevibes.com/index.php/articles/news/101180/ma63-nine-demands-resolved-says-fadillah>, diakses pada 4 Mei 2025.

⁷⁴ *Dewan Rakyat*, Penyata Rasmi Parlimen, Mesyuarat Khas, Parlimen Kelima Belas, Penggal Kedua, 25 September 2023.

*Satu Sejarah Tuntutan Sabah Dan Sarawak: Dari
Laporan IGC 1962 Ke 21 Tuntutan Ma63 (2018-2024)*

dan Kerajaan Negeri berhubung perkara tersebut, maka Jemaah Menteri telah bersetuju pada 11 Mei 2016 supaya pelaksanaan *devolution of authority* kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak dilaksanakan berpandukan kepada hak serta kuasa autonomi yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan kepada negeri tersebut. Keputusan JKDA ialah sebanyak lapan perkara telah dibincangkan dan dipersetujui bersama (rujuk Jadual 1). Namun Kerajaan BN tidak sempat memuktamadkan keputusan terhadap lima Perkara (4-8) disebabkan Parlimen telah dibubarkan pada 7 April 2018 untuk memberi laluan kepada PRU Ke-14.⁷⁵ Hanya tiga perkara telah mencapai persetujuan untuk diselesaikan, iaitu tuntutan duti eksport balak dan hasil hutan di Negeri Sabah, pengedaran gas LPG di Negeri Sarawak dan tanah diberi hak milik kepada Persekutuan di Negeri Sabah dan Sarawak (rujuk Jadual 2).

Seterusnya, di bawah pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan (PH), khususnya Jemaah Menteri Kerajaan PH telah mengambil keputusan pada 5 September 2018 dengan menubuhkan satu Jawatankuasa Khas Kabinet untuk Menyemak Perlaksanaan Perjanjian Malaysia (JKKKMA63) pada 10 Oktober 2018, yang dianggotai oleh Perdana Menteri, Ketua Menteri, Menteri Persekutuan, Pegawai Tertinggi Kerajaan Persekutuan, dan Negeri serta ahli akademik.⁷⁶ JKKKMA63 atau juga dikenali sebagai Jawatankuasa Pemandu MA63 telah bermesyuarat sebanyak lima kali, iaitu yang pertama pada 17 Disember 2018, diikuti yang kedua pada 5 Mac 2019, ketiga pada 17 Mei 2019, keempat pada 23 Julai 2019, dan terakhir, kelima pada 18 November 2019. Di bawah JKKKMA63 ini, sebanyak 21 Perkara atau tuntutan telah dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak untuk dikaji, disemak dan dibincangkan (rujuk Jadual 1). Lapan daripadanya merupakan tuntutan Sabah sahaja, dan selebihnya 13 Perkara merupakan tuntutan bersama melibatkan Sabah dan

⁷⁵ *Dewan Rakyat*, Teks Ucapan Penggulangan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah & Sarawak (bagi Perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2021, 23 November 2020.

⁷⁶ *Bernama*, MA63: Jawatankuasa Pemandu Diketuai PM, 16 Anggota – Liew, 10 Oktober 2018, <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=1652195>, diakses pada 4 Mei 2025; *Berita Harian*, PM Ketuai Jawatankuasa Kabinet Tangani Isu MA63, 10 Oktober 2018, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/10/484402/pm-ketuai-jawatankuasa-kabinet-tangani-isu-ma63>, diakses pada 4 Mei 2025; *Utusan Borneo*, Jawatankuasa Khas Kabinet Persekutuan Diwujudkan Semak MA63, 12 November 2018, <https://www.utusanborneo.com.my/2018/11/12/jawatankuasa-khas-kabinet-persekutuan-diwujudkan-semak-ma63>, diakses pada 4 Mei 2025.

Sarawak.⁷⁷ Sebenarnya, sebahagian daripada perkara atau tuntutan tersebut, iaitu Perkara 4 hingga 8 telah pun dibincangkan oleh kerajaan terdahulu (Kerajaan BN) tanpa ada penyelesaian pada ketika itu. Justeru itu, JKKMA63 telah mencapai persetujuan bersama dalam mesyuarat pertama supaya sebanyak 17 Perkara (1-17) perlu diselesaikan secepat mungkin, manakala baki empat Perkara (18-21) adalah belum dibincangkan. Daripada 17 Perkara tersebut, sejumlah tiga Perkara, iaitu tuntutan duti eksport balak dan hasil hutan di Sabah, pentadbiran Pulau Sipadan dan Ligitan di Sabah, serta isu pertanian dan perhutanan di Sabah dan Sarawak adalah dianggap selesai sepenuhnya atau boleh dilaksanakan. Manakala baki 14 Perkara pula memerlukan tindakan lanjut dari segi pindaan undang-undang dan peraturan untuk dilaksanakan. Dalam mesyuarat keempat pada 23 Julai 2019, JKKMA63 menegaskan bahawa telah mencapai persetujuan bersama menyelesaikan tujuh daripada 14 Perkara tersebut untuk dilaksanakan (rujuk Jadual 2).⁷⁸ Dengan kata lain, Kerajaan PH telah menunaikan janji manifesto (Janji 40) untuk menubuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet bagi menyemak pelaksanaan MA63. Mesyuarat Keempat yang diadakan pada 23 Julai 2019, dan dipengerusikan Perdana Menteri serta dihadiri 23 anggota termasuk Menteri Kabinet, Ketua Menteri Sabah dan Sarawak, telah menyaksikan penyelarasan antara persekutuan dan kerajaan negeri Sabah dan Sarawak.⁷⁹

Jadual 1: Senarai Tuntutan MA63 yang Dipersetujui Bersama

Tahun 2016-2017	Tahun 2018-2024
1. Kewangan: Penurunan kuasa pelesenan eksport dan import kayu dan produk kayu	1. Tuntutan duti eksport balak dan hasil hutan di Negeri Sabah
2. Pengagihan gas di Negeri Sarawak	2. Pentadbiran Pulau Sipadan dan Ligitan di Negeri Sabah
3. Pelepasan tanah yang	3. Isu pertanian dan perhutanan di Negeri Sabah dan Sarawak

⁷⁷ *Free Malaysia Today*, Tak Perlu Dedah Laporan Akhir Jawatankuasa Khas Kabinet MA63, Kata Menteri, 23 November 2020, <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2020/11/23/tak-perlu-dedah-laporan-akhir-jawatankuasa-khas-kabinet-ma63-kata-menteri>, diakses pada 4 Mei 2025.

⁷⁸ *Malaysia Kini*, Jawatankuasa MA63 Setuju Serah Kuasa Urus Tadbir Dua Pulau, 19 Ogos 2019, <https://www.malaysiakini.com/news/488587>, diakses pada 4 Mei 2025; *Malaysia Kini*, MA63: 7 Isu Selesai, 14 Perlu Bincang Lanjut, <https://www.malaysiakini.com/news/488614>, diakses pada 4 Mei 2025.

⁷⁹ *Astro Awani*, MA63: 7 Isu Mendapat Persetujuan Bersama, 19 Ogos 2019, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ma63-7-isu-mendapat-persetujuan-bersama-215340>, diakses pada 4 Mei 2025.

*Satu Sejarah Tuntutan Sabah Dan Sarawak: Dari
Laporan IGC 1962 Ke 21 Tuntutan Ma63 (2018-2024)*

dirizabkan bagi maksud Persekutuan 4. Kewangan: Kajian Semula Pemberian Khas 5. Duti setem bagi tanah dan hasil daripada tanah 6. Kuasa elektrik dan pengagihan gas bagi Negeri Sabah 7. Cari gali minyak dan perlombongan 8. Akta Laut Wilayah 2012 [Akta 750]	4. Penyerahan kuasa kawal selia elektrik serta gas di Negeri Sabah, dan Pengedaran gas LPG di Negeri Sarawak 5. Pelaksanaan Kerja Raya Persekutuan di Negeri Sabah dan Sarawak 6. Tenaga buruh di Negeri Sabah dan Sarawak 7. Kuasa negeri ke atas isu kesihatan di Negeri Sabah dan Sarawak 8. Obligasi kewangan Persekutuan di bawah Senarai Bersama Perlembagaan Persekutuan (kepada Sabah dan Sarawak) 9. Semakan semula pemberian khas (kepada Sabah dan Sarawak) 10. Penangkapan ikan, perikanan laut dan muara (di Sabah dan Sarawak) 11. Tanah diberi hak milik kepada persekutuan di Negeri Sabah dan Sarawak 12. Kuasa baki perundangan mengenai alam sekitar dan pelancongan (di Sabah dan Sarawak) 13. Perkara 112 Perlembagaan Persekutuan perjawatan (Perkhidmatan Awam untuk Sabah dan Sarawak) 14. Penurunan kuasa asal kepada Mahkamah Sabah dan Sarawak 15. Bidang kuasa asal Hakim Besar Sabah dan Sarawak, autonomi pentadbiran Mahkamah Sabah dan Sarawak, dan pengalaman Kehakiman Borneo di Mahkamah Rayuan bagi mendengar kes difailkan di Borneo (Sabah dan Sarawak) 16. Pelantikan Pesuruhjaya Kehakiman (Sabah dan Sarawak)
---	---

	17. Duti setem yang dikenakan ke atas instrumen pemindahan, caj, menyewakan tanah di bawah Ordinan Tanah Sabah dan Sarawak 18. Royalti minyak dan pembayaran tunai petroleum 19. Mineral minyak dan medan minyak 20. Akta Laut Wilayah 2012 [Akta 750] 21. Hak negeri ke atas Pelantar Benua
--	--

Jadual 2: Tuntutan MA63 yang Sudah dan Belum Selesai Mengikut Tahun

Tahun	Perkara Sudah Selesai	Perkara Belum Selesai
2016-2017	1. Kewangan: Penurunan kuasa pelesenan eksport dan import kayu dan produk kayu 2. Pengagihan gas di Negeri Sarawak 3. Pelepasan tanah yang dirizabkan bagi maksud Persekutuan	4. Kewangan: Kajian Semula Pemberian Khas 5. Duti setem bagi tanah dan hasil daripada tanah 6. Kuasa elektrik dan pengagihan gas bagi Negeri Sabah 7. Cari gali minyak dan perlombongan 8. Akta Laut Wilayah 2012 [Akta 750]
2018	1. Tuntutan duti eksport balak dan hasil hutan di Sabah 2. Pentadbiran Pulau Sipadan dan Ligitan di Sabah 3. Isu pertanian dan perhutanan di Sabah dan Sarawak	6. Tenaga buruh di Negeri Sabah dan Sarawak 8. Obligasi kewangan Persekutuan di bawah Senarai Bersama Perlembagaan Persekutuan (kepada Sabah dan Sarawak) 9. Semakan semula pemberian khas (kepada Sabah dan Sarawak)
2021	4. Penyerahan kawal selia pengedaran gas (LPG) di Sarawak	12. Kuasa baki perundangan mengenai alam sekitar dan pelancongan (di Sabah dan Sarawak)
2022	10. Penangkapan ikan, perikanan laut dan muara di Sabah dan Sarawak	13. Perkara 112

*Satu Sejarah Tuntutan Sabah Dan Sarawak: Dari
Laporan IGC 1962 Ke 21 Tuntutan Ma63 (2018-2024)*

2023	04. Penyerahan kuasa kawal selia elektrik dan gas di Sabah 05. Pelaksanaan Kerja Raya Persekutuan di Sabah dan Sarawak	Perlembagaan Persekutuan perjawatan (Perkhidmatan Awam untuk Sabah dan Sarawak) 14. Kuasa negeri ke atas isu kesihatan di Negeri Sabah dan Sarawak
2024	04. Penyerahan kawal selia elektrik & SESB di Sabah 11. Tanah diberi hak milik kepada Persekutuan di Sabah dan Sarawak 08. Penurunan kuasa asal kepada Mahkamah Sabah & Sarawak 09. Bidang kuasa asal Hakim Besar Sabah dan Sarawak, autonomi pentadbiran Mahkamah Sabah dan Sarawak, dan pengalaman Kehakiman Borneo di Mahkamah Rayuan bagi mendengar kes difailkan di Borneo (Sabah dan Sarawak) 10. Pelantikan Pesuruhjaya Kehakiman (Sabah & Sarawak)	17. Duti setem yang dikenakan ke atas instrumen pemindahan, caj, menyewakan tanah di bawah Ordinan Tanah Sabah dan Sarawak 18. Royalti minyak dan pembayaran tunai petroleum 19. Mineral minyak dan medan minyak 20. Akta Laut Wilayah 2012 [Akta 750] 21. Hak negeri ke atas Pelantar Benua

Perkembangan pelaksanaan tuntutan MA63 menunjukkan pola yang tidak seragam dari segi masa dan bidang kuasa, mencerminkan cabaran struktur federalisme Malaysia. Berdasarkan jadual kronologi, dapat diperhatikan bahawa antara tahun 2016-2017, penyelesaian awal tertumpu kepada aspek teknikal seperti penurunan kuasa pelesenan eksport kayu dan pelepasan tanah rizab Persekutuan. Langkah ini dilihat sebagai permulaan kepada proses devolusi kuasa, namun isu-isu strategik seperti kajian semula pemberian khas dan royalti minyak kekal tertangguh kerana melibatkan implikasi fiskal yang besar kepada Kerajaan Persekutuan.⁸⁰ Menjelang 2019, penyelesaian beralih kepada tuntutan yang lebih bersifat simbolik dan pentadbiran, seperti pengembalian kuasa pentadbiran Pulau Sipadan dan Ligitan kepada Sabah. Walau bagaimanapun, perkara berkaitan tenaga buruh,

⁸⁰ *Berita Harian*, MA63: 11 Tuntutan Selesai, 7 di bawah PM Anwar, 12 September 2024, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/09/1297623/ma63-11-tuntutan-selesai-7-di-bawah-kepimpinan-pm-anwar>, diakses pada 5 Mei 2025.

kesihatan, dan perjawatan perkhidmatan awam masih belum selesai, menunjukkan bahawa isu yang menyentuh struktur institusi dan sumber manusia memerlukan rundingan lebih mendalam.⁸¹ Pada 2021, Sarawak mencatat kemajuan signifikan apabila menerima kuasa kawal selia pengedaran gas LPG, diikuti oleh penyerahan kuasa kawal selia elektrik dan gas kepada Sabah pada tahun 2023. Perkembangan ini menandakan pengiktirafan terhadap autonomi negeri dalam sektor tenaga, selaras dengan semangat MA63.⁸² Namun, isu berkaitan royalti minyak, hak pelantar benua, dan Akta Laut Wilayah 2012 kekal berlarutan kerana melibatkan dimensi geopolitik dan ekonomi yang kompleks. Tahun 2024 memperlihatkan lonjakan penyelesaian dalam bidang kehakiman, termasuk penurunan kuasa kepada Mahkamah Sabah dan Sarawak, pemerkasaan bidang kuasa Hakim Besar, serta pelantikan Pesuruhjaya Kehakiman. Langkah ini bukan sahaja mengembalikan autonomi kehakiman yang termaktub dalam MA63, tetapi juga memperkukuh prinsip pemisahan kuasa dalam kerangka federalisme Malaysia. Secara keseluruhan, analisis kronologi ini menunjukkan bahawa penyelesaian tuntutan MA63 berlaku secara bertahap, dengan keutamaan diberikan kepada isu teknikal dan pentadbiran sebelum beralih kepada isu fiskal dan perundangan yang lebih kompleks. Pola ini mencerminkan dilema antara aspirasi autonomi negeri dan keperluan mengekalkan kestabilan fiskal serta integriti persekutuan.

Kerjasama strategik antara Kerajaan Persekutuan di bawah kekuasaan Pakatan Harapan (PH) dan Kerajaan Negeri Sabah telah menjadi faktor utama dalam penyelesaian tujuh perkara MA63 pada Mesyuarat Keempat JKKK MA63 pada 23 Julai 2019. Pertama, komitmen bersama jelas melalui pengakuan penyelarasan semula bidang kuasa dalam pengurusan hasil hutan, di mana Sabah diberikan hak untuk mentadbir eksport balak dan hasil hutan selepas delegasi kuasa kepada Jabatan Perhutanan negeri sejak 1 Jun 2017. Kedua, kerjasama ini membolehkan penyerahan kawalan ke atas pengedaran gas dan elektrik, di mana keputusan bersama dilaksanakan selepas Sabah menjalankan penelitian wajar (*due diligence*), sementara

⁸¹ *Majlis Keselamatan Negara*, MA63: 11 Tuntutan Berjaya Diselesaikan, 13 September 2024, <https://www.mkn.gov.my/web/ms/2024/09/13/ma63-11-tuntutan-berjaya-diselesaikan/>, diakses pada 5 Mei 2025.

⁸² *Berita Harian*, MA63: 11 Tuntutan Selesai, 7 di bawah PM Anwar, *op.cit.*; *Sinar Harian*, Kuasa Perundangan, Kawal Selia Gas Diserahkan kepada Sabah, 10 Januari 2023, <https://www.sinarharian.com.my/article/239892/berita/nasional/kuasa-perundangan-kawal-selia-gas-diserah-kepada-sabah>, diakses pada 5 Mei 2025.

*Satu Sejarah Tuntutan Sabah Dan Sarawak: Dari
Laporan IGC 1962 Ke 21 Tuntutan MA63 (2018-2024)*

Sarawak menerima kawalan selagi Ordinan Gas Sarawak (DGO) 2016 masih berkuat kuasa. Ketiga, mekanisme baharu diwujudkan dengan penubuhan Jawatankuasa Kerja Kolaborasi yang menggabungkan kerjasama teknikal dan pentadbiran dari kedua-dua pihak untuk mempercepat dan menyelaraskan pelaksanaan projek persekutuan di Sabah. Keempat, prinsip serah kuasa autonomi mula diterapkan dalam isu buruh; Kerajaan Persekutuan bersetuju membenarkan Sabah menggubal undang-undang subsidiari berkaitan syarat kerja khas negeri masing-masing. Kelima, bidang kesihatan turut diberi perhatian melalui penubuhan Jawatankuasa Khas Libat Urus berkala antara Putrajaya dengan Sabah dan Sarawak. Keenam, pengurusan pentadbiran Pulau Sipadan dan Ligitan, khususnya dalam pelancongan, dipersetujui diserahkan sepenuhnya kepada Sabah atas asas kerjasama teknikal dan keselamatan yang dipantau bersama. Ketujuh, isu pertanian dan perhutanan juga diselesaikan kerana telah dimasukkan sepenuhnya dalam senarai autonomi negeri. Semua kemajuan ini disiarkan secara meluas oleh media nasional, yang menekankan aspek integrasi dan kerjasama teknikal, bukan hanya dari sudut politik atau manifesto, tetapi tindakan konkrit di peringkat pentadbiran.⁸³ Kerjasama erat ini diperhalusi lagi apabila dilihat sebagai 'jambatan penghubung' yang kukuh antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, suatu pendekatan yang diterapkan semasa pentadbiran PH dan dikekalkan oleh pentadbiran berbilang pihak selepas itu. Secara keseluruhannya, dasar kerjasama persekutuan-negeri yang pragmatik dan inklusif merupakan penggerak utama di sebalik kejayaan menyelesaikan tujuh isu MA63 yang tertangguh lebih 50 tahun. Walau bagaimanapun, setakat era pentadbiran Kerajaan PH itu, dapat dikatakan bahawa 21 Tuntutan MA63 hanya sekadar mencapai persetujuan dasar. Hal ini kerana persetujuan dasar untuk menyelesaikan Tuntutan MA63 ini masih memerlukan tindakan lanjut melibatkan perubahan dasar, pindaan undang-undang sama ada di peringkat Kerajaan Persekutuan atau Negeri serta melibatkan pelbagai kementerian dan agensi untuk dilaksanakan.⁸⁴

⁸³ *Malaysia Kini*, MA63: 7 Isu Selesa, 14 Perlu Bincang Lanjut, 19 Ogos 2019, <https://www.malaysiakini.com/news/488614>, diakses pada 5 Mei 2025.

⁸⁴ *Dewan Rakyat*, Pemberitahuan Pertanyaan Lisan Dewan Rakyat, Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga, Parlimen Keempat Belas, 28 Julai 2020; *Dewan Rakyat*, Senarai Pertanyaan bagi Jawapan Lisan, Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat, Parlimen Ke-14, 30 September 2021; *Dewan Rakyat*, Jawapan-jawapan bagi Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan yang Tidak Dijawab di dalam Dewan, Mesyuarat Ketiga, Penggal Ketiga, Parlimen Keempat Belas, 17 November 2020.

Pada era pentadbiran Kerajaan Keluarga Malaysia di bawah pimpinan gabungan parti BN–PN dalam tempoh dari bulan Februari 2020 hingga November 2022 telah membina momentum penting dalam pelaksanaan tuntutan MA63, terutamanya berkaitan 21 perkara tuntutan Sabah dan Sarawak. JKKKMA63 telah dibubarkan pada 18 November 2019 dan digantikan dengan Majlis Khas MA63. Dalam era tersebut, beberapa isu utama berjaya diselesaikan oleh majlis ini di bawah pentadbiran Kerajaan Keluarga Malaysia. Antaranya adalah pengiktirafan Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Sabah dan Sarawak sebagai jabatan teknikal di bawah Arahan Perbendaharaan¹⁸². Kuasa kawalan bekalan gas di Sabah turut diserahkan kepada negeri serta pelantikan wakil Sabah dan Sarawak sebagai ahli tetap Lembaga Hasil Dalam Negeri melalui pindaan Akta LHDN1995. Di bawah kerajaan PN pula, penyerahan kuasa pengawalseliaan LPG kepada Sarawak dan pengurusan pentadbiran Pulau Sipadan dan Ligitan kepada Sabah telah dibuat.⁸⁵ Seiring dengan semangat Keluarga Malaysia, jalinan kerjasama antara pihak persekutuan dan negeri diperkukuh, menjadikan penyelesaian tuntutan MA63 lebih inklusif dan pragmatik. Untuk memperkukuh keterangkuman ini, Exco Pemuda UMNO melalui Astro Awani menegaskan semangat “Keluarga Malaysia” sebagai landasan menyelesaikan isu MA63 secara berhemah, tanpa tergesa-gesa, selari keadaan semasa.⁸⁶ Secara keseluruhannya, Kerajaan Keluarga Malaysia berjaya melunaskan sekurang-kurangnya sembilan daripada 21 tuntutan MA63, merangkumi isu teknikal, pentadbiran dan kawal selia sumber menjadi pemangkin kepada transformasi MA63 dari manifesto menjadi realiti pentadbiran. Pencapaian ini mengilhamkan keyakinan Sabah dan Sarawak terhadap kelebihan dasar kerjasama Keluarga Malaysia dalam merealisasikan tuntutan hak autonomi negeri.

Pada era pentadbiran Kerajaan Perpaduan telah mencatat pencapaian signifikan dalam pelaksanaan tuntutan MA63 hingga setakat akhir tahun 2024, ditandai melalui beberapa inisiatif utama. Kerajaan Perpaduan telah menubuhkan MTPMA63 pada 20 Januari

⁸⁵ *Malaysia Kini*, MA63: Enam Tuntutan Asal Sabah, Sarawak telah Diselesaikan, 2 November 2023, <https://www.malaysiakini.com/news/685136>, diakses 5 Mei 2025; *Malaysia Kini*, 11 Tuntutan MA63 Berjaya Diselesaikan – Fadillah, 12 September 2024, <https://www.malaysiakini.com/news/719073>, diakses pada 6 Mei 2025.

⁸⁶ *Astro Awani*, Pamer Semangat ‘Keluarga Malaysia’ semasa Selesai Isu MA63 - Bastien, 16 September 2021, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pamer-semangat-keluarga-malaysia-semasa-selesai-isu-ma63-bastien-320087>, diakses pada 5 Mei 2025.

*Satu Sejarah Tuntutan Sabah Dan Sarawak: Dari
Laporan IGC 1962 Ke 21 Tuntutan MA63 (2018-2024)*

2023, yang menggantikan Majlis Khas MA63. Ternyata dari awal tahun 2023, Kerajaan Perpaduan menunjukkan komitmen tinggi terhadap tuntutan MA63 dengan menyerahkan kembali kuasa pelaksanaan perbelanjaan pembangunan kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) Sabah dan Sarawak, diiringi oleh peruntukan dibiayai persekutuan namun diurus kerajaan negeri sendiri, sementara Suruhanjaya Hasil Dalam Negeri (LHDN) turut menerima pelantikan wakil tetap dari kedua-dua negeri itu.⁸⁷ Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof, menegaskan bahawa, dalam tempoh 30 hari pemerintahan, proses penyerahan kawal selia bekalan gas untuk Sabah, serta penetapan pemberian khas di bawah Perkara 112D Perlembagaan Persekutuan telah dimuktamadkan, dipuji sebagai bukti kesungguhan dan keberkesanan Kerajaan Perpaduan dalam mendahulukan agenda MA63.⁸⁸ Menjelang akhir 2023, PM Anwar Ibrahim menegaskan bahawa Kerajaan Perpaduan berjaya menyelesaikan pelbagai peruntukan MA63 dengan lebih pantas berbanding pentadbiran sebelumnya. Ini termasuk penyerahan kuasa kawalan projek kecil, serta pemulangan kekuasaan pengurusan bekalan elektrik ke Sabah.⁸⁹ Seiring dengan kemasukan Belanjawan 2024, Kerajaan Perpaduan meningkatkan fokus kepada Sabah melalui peruntukan seramai RM6.6 bilion, termasuk subsidi elektrik, insentif penciptaan tenaga solar hibrid, dan kelulusan agihan projek kecil bernilai di bawah RM50 juta diserahkan kepada jabatan teknikal negeri seperti JKR Sabah.⁹⁰ Menjelang suku ketiga dan keempat 2024, dalam mesyuarat MTPMA63, Timbalan Perdana Menteri mengumumkan penyelesaian 11 tuntutan MA63, tujuh daripadanya dibentangkan dan dimuktamadkan di bawah kepimpinan PM Anwar Ibrahim. Skop penyelesaian meliputi pengiktirafan teknikal JKR negeri, kawal selia gas & elektrik, pelantikan anggota tetap LHDN serta pentadbiran kehakiman negeri.⁹¹ Secara

⁸⁷ *Astro Awani*, MA63: Kerajaan Perpaduan Berjaya Selesai Sebahagian Besar Kandungan Perjanjian, 22 Januari 2023, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ma63-kerajaan-perpaduan-berjaya-selesai-sebahagian-besar-kandungan-perjanjian-403166>, diakses pada 5 Mei 2025.

⁸⁸ *Bernama*, Kerajaan Perpaduan Komited Realisasikan MA63 - Fadillah, 28 Februari 2023, <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2168449>, diakses pada 5 Mei 2025.

⁸⁹ *Bernama*, Kerajaan Perpaduan Selesaikan Banyak Perkara dalam MA63, Lebih Pantas - Anwar, 7 Disember 2023, <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2251892>, diakses pada 5 Mei 2025.

⁹⁰ *Utusan Borneo*, Belanjawan 2024 Bukti Kerajaan Perpaduan Martabatkan MA63, 14 Oktober 2023, <https://www.utusanborneo.com.my/2023/10/14/belanjawan-2024-bukti-kerajaan-perpaduan-martabatkan-ma63>, diakses pada 5 Mei 2025.

⁹¹ *Berita Harian*, MA63: 11 Tuntutan Selesai, 7 di bawah Kepimpinan PM Anwar, 12 September 2024, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/09/1297623/ma63-11-tuntutan-selesai-7-di-bawah-kepimpinan-pm-anwar>, diakses pada 5 Mei 2025.

keseluruhannya, Kerajaan Perpaduan dalam tempoh 2023–2024 telah berjaya mencapai beberapa pencapaian penting berkaitan pelaksanaan MA63. Pertama, lebih 11 daripada 21 tuntutan MA63 telah diselesaikan atau dimuktamadkan melalui laluan perundangan dan pentadbiran, menunjukkan komitmen yang jelas terhadap pengembalian hak Sabah dan Sarawak. Kedua, kerajaan melaksanakan penyerahan kuasa kawal selia sumber dan projek, mengiktiraf jabatan teknikal negeri, serta memperkukuh pembiayaan pembangunan khas untuk kedua-dua negeri, termasuk peruntukan besar dalam Belanjawan 2024. Ketiga, pentadbiran MA63 distrukturkan semula melalui MTPMA63, yang menempatkan pemimpin negeri pada platform rundingan teknikal dan membina mekanisme institusi bagi menegakkan autonomi Sabah dan Sarawak secara berperingkat. Langkah ini bukan sekadar janji politik, tetapi memperlihatkan transformasi sistematik ke arah pengembalian autonomi asal Sabah dan Sarawak, menjadikan agenda perpaduan dan keadilan persekutuan lebih konkrit dan berkesan dalam era baharu negara.

Laporan IGC 1962 dan 21 Tuntutan MA63 mempunyai persamaan dari segi tujuan asas, iaitu menjamin kedudukan autonomi Sabah dan Sarawak dalam Persekutuan Malaysia. Kedua-duanya menekankan aspek perlindungan hak negeri seperti kawalan imigresen, bahasa, agama, dan pendidikan. Namun, perbezaannya terletak pada sifat dokumen, iaitu Laporan IGC 1962 ialah hasil rundingan rasmi antara empat entiti (Kerajaan British, Persekutuan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak) yang kemudian dimasukkan ke dalam Perlembagaan Malaysia. Manakala 21 Tuntutan MA63 ialah memorandum politik yang lebih bersifat tuntutan awal oleh Sabah dan Sarawak sebelum pembentukan Malaysia. Laporan IGC 1962 memberikan jaminan melalui mekanisme perundangan, sedangkan 21 Tuntutan MA63 menekankan prinsip asas yang harus dipatuhi. Perbandingan ini menunjukkan bahawa walaupun kedua-dua dokumen mempunyai matlamat yang sama, pendekatan dan status undang-undangnya berbeza, menjadikan 21 Tuntutan MA63 sebagai asas moral dan politik, manakala Laporan IGC 1962 sebagai asas perlembagaan.

Sejarah Laporan IGC 1962 memainkan peranan penting dalam membentuk tuntutan semasa Sabah dan Sarawak terhadap pelaksanaan MA63. Laporan ini bukan sahaja menetapkan kerangka perlembagaan bagi penyertaan Sabah dan Sarawak dalam pembentukan Malaysia, tetapi juga menjadi rujukan utama dalam

*Satu Sejarah Tuntutan Sabah Dan Sarawak: Dari
Laporan IGC 1962 Ke 21 Tuntutan MA63 (2018-2024)*

setiap rundingan berkaitan hak autonomi negeri. Prinsip yang digariskan dalam laporan tersebut terus menjadi asas tuntutan semasa. Pengaruh sejarah ini jelas apabila Sabah dan Sarawak menggunakan Laporan IGC 1962 sebagai hujah sahih untuk menuntut pengembalian hak yang dianggap terhakis selepas pembentukan Malaysia. Oleh itu, Laporan IGC 1962 bukan sekadar dokumen sejarah, tetapi menjadi instrumen legitimasi dalam perjuangan politik kontemporari.

Memahami sejarah Laporan IGC 1962 dan 21 Tuntutan MA63 adalah penting untuk menilai tuntutan hak semasa kerana ia memberikan perspektif asal tentang janji dan komitmen yang dibuat sebelum pembentukan Malaysia. Tanpa pemahaman sejarah ini, perdebatan mengenai MA63 berisiko menjadi retorik politik semata-mata tanpa asas perundangan yang kukuh. Sejarah menyediakan kerangka untuk menilai sama ada tuntutan semasa adalah kesinambungan janji asal atau interpretasi baharu yang memerlukan rundingan semula. Selain itu, pemahaman sejarah membantu mengelakkan konflik antara pusat dan negeri kerana ia menekankan prinsip konsensus yang telah dipersetujui sejak awal. Dalam konteks akademik, sejarah menjadi asas analisis kritikal terhadap keberkesanan pelaksanaan MA63 dan cabaran yang timbul akibat perubahan politik dan ekonomi selepas 1963.

Faktor perubahan kepimpinan di peringkat Persekutuan daripada Kerajaan BN kepada Kerajaan PH menunjukkan pengaruh besar terhadap penyelesaian Tuntutan MA63. Hal ini dapat ditunjukkan melalui perbezaan keputusan dasar politik kerajaan terhadap Tuntutan MA63. Kerajaan Keluarga Malaysia telah mempertimbangkan 17 Perkara yang telah diluluskan sebelumnya oleh Kerajaan PH dan dapat menyelesaikan dua daripada perkara tersebut untuk pelaksanaan. Dengan demikian, terdapat baki 15 Perkara lagi memerlukan tindakan susulan, dibawa ke hadapan di bawah pentadbiran Kerajaan Perpaduan, yang telah menambahkan lagi sembilan perkara diselesaikan. Menjelang bulan September 2024, sejumlah 10 Perkara telah diselesaikan sepenuhnya.⁹²

⁹² *New Straits Times*, MA63: Settlement of 11 Claims Marks Historic Milestone – Analysts, 14 September 2024, <https://www.nst.com.my/news/nation/2024/09/1105612/ma63-settlement-11-claims-marks-historic-milestone-analysts>, diakses 4 Mei 2025.

Kesimpulan

IGC ditubuhkan untuk memastikan kepentingan khas Borneo Utara dan Sarawak dilindungi dalam persekutuan baru ini. Ia tidak melibatkan kepentingan Singapura. Secara umumnya, terdapat empat tujuan utama penubuhan IGC, iaitu: menjamin hak khas, mengatur pembahagian kuasa, menyusun perlembagaan, dan pembangunan ekonomi dan sosial. Salah satu tujuan utama penubuhan IGC adalah untuk memastikan bahawa hak khas Borneo Utara dan Sarawak dilindungi dalam Persekutuan Malaysia. Ini termasuk kebebasan beragama, pendidikan, dan perwakilan dalam Parlimen Persekutuan. IGC juga bertujuan untuk mengatur pembahagian kuasa perundangan antara kerajaan persekutuan dan negeri, memastikan bahawa Borneo Utara dan Sarawak mempunyai autonomi dalam beberapa bidang seperti imigresen dan kewangan. IGC juga bertanggungjawab untuk merangka perlembagaan yang akan menggabungkan Borneo Utara dan Sarawak dengan jaminan perlindungan hak khas. IGC juga bertujuan untuk merangka strategi pembangunan ekonomi dan sosial untuk Sabah dan Sarawak, termasuk pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam. Sehingga akhir tahun 2024, sebanyak 11 daripada 21 Tuntutan MA63 telah berjaya diselesaikan, termasuk isu seperti pendidikan, kesihatan, dan pembangunan infrastruktur. Tuntutan yang masih dalam perbincangan termasuk royalti minyak dan bayaran tunai untuk petroleum, hak negeri ke atas pelantar benua, dan peningkatan pelantikan perkhidmatan awam di Sabah dan Sarawak. Isu ini masih dalam perbincangan kerana melibatkan perundangan yang kompleks dan perundingan antara kerajaan negeri dan persekutuan. Kepimpinan baru di peringkat negeri dan persekutuan memainkan peranan penting dalam mempercepatkan penyelesaian tuntutan. Wacana ini menunjukkan bahawa perubahan kepimpinan telah membawa kepada pendekatan yang lebih proaktif melalui JKKKMA63, Majlis Khas MA63 dan MTPMA63 dalam menyelesaikan tuntutan MA63. Penyelesaian tuntutan tersebut bergantung kepada proses perundangan yang memerlukan pemeriksaan terperinci. Proses perundangan yang terlibat dalam penyelesaian tuntutan MA63 memerlukan kajian mendalam dan persetujuan dari pelbagai pihak berkepentingan. Hubungan antara Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan (IGC) 1962 dan 21 Tuntutan MA63 memberikan gambaran yang jelas tentang bagaimana sejarah mempengaruhi tuntutan semasa. Laporan IGC 1962 dan dokumen MA63 menunjukkan bahawa sejarah pembentukan Malaysia dan perjanjian asal memainkan peranan penting dalam tuntutan semasa oleh Sabah dan Sarawak. Wacana ini menunjukkan bahawa Sabah dan

*Satu Sejarah Tuntutan Sabah Dan Sarawak: Dari
Laporan IGC 1962 Ke 21 Tuntutan Ma63 (2018-2024)*

Sarawak berpotensi untuk mendapatkan lebih banyak autonomi dalam bidang seperti pendidikan, kesihatan, dan pengurusan sumber asli. Ini akan memperkukuhkan kedudukan politik mereka dalam persekutuan Malaysia. Dengan penyelesaian tuntutan MA63, Sabah dan Sarawak boleh memainkan peranan yang lebih besar dalam politik persekutuan, termasuk dalam membuat keputusan yang mempengaruhi seluruh negara. Penyelesaian tuntutan ini juga boleh membawa kepada kestabilan politik yang lebih besar di kedua-dua negeri, mengurangkan ketegangan antara kerajaan negeri dan persekutuan. Kajian lanjut perlu dilakukan untuk memahami implikasi perundangan penuh dari penyelesaian tuntutan MA63, termasuk bagaimana perubahan ini akan mempengaruhi undang-undang sedia ada dan peraturan persekutuan. Wacana ini mencadangkan kajian perbandingan antara Sabah dan Sarawak bagi memahami strategi berkesan untuk mendapatkan autonomi. Di peringkat antara kerajaan, usaha mengadakan dialog berterusan antara kerajaan negeri dan persekutuan untuk memastikan semua pihak berkepentingan terlibat dalam proses penyelesaian tuntutan. Usaha ini juga perlu melibatkan komuniti tempatan dalam proses membuat keputusan untuk memastikan bahawa keperluan dan aspirasi mereka diambil kira. Di peringkat kerajaan persekutuan, keputusan yang paling penting adalah meningkatkan kapasiti kerajaan negeri dalam bidang seperti perundangan, pengurusan sumber, dan pembangunan ekonomi untuk memastikan mereka dapat menguruskan autonomi yang diperoleh dengan berkesan.

LAMPIRAN 1: CADANGAN IGC UNTUK SUSUNAN PERLEMBAGAAN MALAYSIA

Perkara 15: Agama

Artikel 3(1) Perlembagaan Persekutuan menyatakan "Islam adalah agama Persekutuan, tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan." Artikel ini tidak memerlukan pindaan, namun Ketua Negeri di Sabah dan Sarawak tidak akan menjadi Ketua Agama Islam di negeri tersebut. Kebebasan beragama yang dijamin dalam Artikel 11 akan dikekalkan, dan undang-undang negeri yang mengawal atau menyekat penyebaran doktrin atau kepercayaan agama di kalangan orang Islam perlu diluluskan dengan majoriti dua pertiga daripada jumlah keahlian Dewan Undangan Negeri.

Perkara 16: Imigresen Chan

Imigresen akan kekal dalam Senarai Persekutuan, tetapi undang-undang akan digubal oleh Parlimen Persekutuan untuk memastikan kemasukan ke Negeri Borneo memerlukan kelulusan negeri yang berkenaan. Perlembagaan Persekutuan akan dipinda untuk membolehkan Parlimen Persekutuan menggubal undang-undang bagi mengawal pergerakan orang antara Persekutuan yang sedia ada dan negeri baru atau antara negeri baru atas sebarang alasan.

Perkara 17: Pendidikan

Seksyen 36 dan 37 Akta Pendidikan Malaya 1961 tidak akan terpakai di Sabah dan Sarawak. Undang-undang Persekutuan tidak akan menyediakan bantuan kewangan khas untuk penubuhan institusi Islam atau pengajaran agama Islam di Sabah dan Sarawak tanpa persetujuan kerajaan negeri yang berkenaan.

Perkara 18: Kewarganegaraan

Peruntukan mengenai kewarganegaraan akan dipinda untuk memastikan bahawa penduduk Sabah dan Sarawak yang layak akan diberikan kewarganegaraan Malaysia. Ini termasuk peruntukan khas untuk memastikan bahawa hak penduduk asal dilindungi.

Perkara 19: Badan Perundangan Persekutuan

Dewan Rakyat dan Dewan Negara akan menjadi badan perundangan utama di peringkat persekutuan. Sabah dan Sarawak akan mempunyai wakil dalam kedua-dua dewan ini untuk memastikan suara mereka didengar dalam proses perundangan.

Perkara 20: Perlembagaan Negeri

Perlembagaan Negeri Borneo akan disemak dan dipinda untuk memastikan kesesuaian dengan Perlembagaan Persekutuan. Ini termasuk peruntukan mengenai hak istimewa penduduk asal dan autonomi dalam bidang tertentu.

Perkara 21: Pembahagian Kuasa Perundangan

Kuasa perundangan akan dibahagikan antara kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri. Senarai Persekutuan, Senarai Negeri, dan Senarai Bersama akan menentukan bidang kuasa masing-masing. Ini bertujuan untuk memastikan bahawa Negeri Borneo mempunyai autonomi dalam bidang tertentu seperti tanah, hutan, dan kerajaan tempatan.

Perkara 22: Tanah

Pengurusan tanah akan kekal di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Ini termasuk hak untuk menguruskan dan mengawal penggunaan tanah di Negeri Borneo.

Perkara 23: Majlis Kebangsaan untuk Kerajaan Tempatan

Majlis ini akan ditubuhkan untuk menyelaraskan dasar kerajaan tempatan antara kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri. Ini bertujuan untuk memastikan bahawa dasar yang dilaksanakan adalah konsisten dan berkesan.

Perkara 24: Peruntukan Kewangan

Peruntukan kewangan akan dibincangkan, termasuk bagaimana hasil cukai dan sumber kewangan lain akan dibahagikan antara kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri. Ini penting untuk memastikan bahawa Negeri Borneo mendapat sumber yang mencukupi untuk pembangunan dan kesejahteraan rakyatnya. Berikut adalah sejumlah 25 peruntukan tersebut:

- (1) **Percukaian:** Percukaian termasuk duti kastam, eksais, dan cukai pendapatan adalah di bawah bidang kuasa Persekutuan. Negeri Borneo harus mempunyai kuasa mengenakan Cukai Jualan dengan syarat cukai jualan Persekutuan diberi keutamaan. Negeri harus diwakili dalam Lembaga Cukai Pendapatan Malaysia.
- (2) **Hasil Negeri:** Hasil (peruntukan Bahagian III Jadual Kesepuluh Perlembagaan Persekutuan) yang diberikan kepada Negeri Borneo termasuk duti import dan eksais ke atas produk petroleum; yuran lesen kenderaan bermotor dan pemandu; duti eksport kayu balak dan hasil hutan lain; duti eksport mineral sehingga 10% ad valorem; cukai jualan Negeri; Borneo Utara menerima 30% hasil Kastam (tolak duti import produk petroleum dan duti eksport kayu balak dan hasil hutan lain) untuk perbelanjaan Perubatan dan Kesihatan; yuran dan cukai dari pelabuhan dan pelabuhan Negeri, dan; yuran lesen perdagangan dan profesion serta yuran lesen perdagangan (Cap.44) akan dikenakan sebagai hasil Negeri di bawah Ordinan Pelesenan Perdagangan dan Profesion Negeri Borneo.
- (3) **Geran Kapita:** Diberikan kepada Negeri Borneo seperti yang diperuntukkan dalam Bahagian I Jadual Kesepuluh Perlembagaan Persekutuan.
- (4) **Geran Jalan Negeri Borneo:** Diberikan untuk dua tahun pertama selepas penerapan Bahagian VII Perlembagaan. Selepas itu, peruntukan

Bahagian II Jadual Kesepuluh terpakai dengan syarat: Kos purata penyelenggaraan termasuk elemen kos tambahan; standard minimum jalan yang lebih rendah daripada yang terpakai di negeri lain, dan; jalan yang diselenggara oleh pihak berkuasa tempatan layak untuk geran jalan.

- (5) **Geran Jalan Tahunan untuk Borneo Utara:** Jika geran jalan tahunan untuk Borneo Utara kurang daripada \$4,500 per batu bagi 1,151 batu, Kerajaan Persekutuan akan menampung kekurangan tersebut setiap tahun sehingga 1967.
- (6) **Geran Imbangan Tahunan untuk Negeri Borneo:** Untuk menampung kos perkhidmatan Negeri, Negeri Borneo akan menerima geran imbalan tahunan jika hasil pada tahun 1963 menyebabkan defisit. Geran ini berdasarkan perbezaan antara anggaran hasil dan kos perkhidmatan Negeri pada tahun 1963.
- (7) **Geran Tahunan yang Meningkat untuk Sarawak:** Sarawak akan menerima geran tahunan yang meningkat untuk menampung peningkatan kos perkhidmatan Negeri dan mengimbangi penurunan hasil Negeri. Geran ini ditetapkan untuk setiap lima tahun pertama dan diputuskan oleh penilai bebas. Geran ini memastikan pengembangan perkhidmatan Negeri tidak kurang daripada 10% setahun, berdasarkan kadar pengembangan 1959-1962.
- (8) **Geran Tahunan Borneo Utara:** Borneo Utara menerima geran tahunan sebanyak 40% daripada peningkatan hasil Persekutuan yang diperoleh dari Borneo Utara, berdasarkan hasil sebenar yang diterima setiap tahun.
- (9) **Semakan Pengaturan Kewangan:** Pengaturan kewangan (untuk peruntukan 6, 7 dan 8) tertakluk kepada semakan oleh penilai bebas setiap lima tahun. Pengaturan kewangan tertakluk kepada semakan oleh penilai bebas setiap lima tahun jika tiada persetujuan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Borneo. Penilai mempertimbangkan keperluan Negeri Borneo dan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan. Semakan pertama dilaksanakan dari awal tahun keenam selepas penerapan Bahagian VII Perlembagaan. Semakan kedua dilaksanakan dari awal tahun kesebelas dan berkaitan dengan tempoh lima tahun berikutnya atau lebih lama. Penilai boleh dilantik semula jika diperlukan untuk semakan lanjut. Kerajaan Persekutuan boleh mengubah penyerahan hasil tertentu semasa semakan, dengan notis kepada Negeri Borneo dan penilai.
- (10) **Perbelanjaan Pembangunan Sarawak:** Kerajaan Persekutuan bersetuju dengan perbelanjaan pembangunan sebanyak \$300 juta untuk Sarawak dalam lima tahun pertama selepas penubuhan Malaysia, dengan usaha terbaik untuk mencapai jumlah ini bergantung pada bantuan kewangan dari Kerajaan British dan ketersediaan dana.
- (11) **Perbelanjaan Pembangunan Borneo Utara:** Perbelanjaan pembangunan di Borneo Utara dianggarkan \$200 juta dalam lima tahun

*Satu Sejarah Tuntutan Sabah Dan Sarawak: Dari
Laporan IGC 1962 Ke 21 Tuntutan Ma63 (2018-2024)*

pertama selepas penubuhan Malaysia. Dana tambahan dari luar Borneo Utara diperlukan untuk mencapai tahap pelaburan ini.

- (12) **Geran British:** Kerajaan British berjanji memberikan geran sebanyak satu setengah juta paun setahun untuk lima tahun selepas Hari Malaysia bagi pembangunan Negeri Borneo. Geran ini tidak akan digunakan untuk menampung kekurangan kewangan pembangunan dan akan diambil kira dalam penyelesaian kewangan akhir.
- (13) **Harta dan Aset Negeri:** Negeri Borneo ingin menentukan harta dan aset tertentu yang mereka ingin kekalkan. Aset yang dicipta daripada hasil pinjaman Kerajaan Negeri akan kekal sebagai tanggungjawab Negeri. Artikel 166 (7) Perlembagaan tidak terpakai kepada aset yang mewakili baki dan rizab yang tidak diperuntukkan di Negeri Borneo.
- (14) **Caj Perkhidmatan Hutang:** Jika dana pinjaman Negeri Borneo digunakan untuk tujuan Persekutuan pada Hari Malaysia, caj perkhidmatan hutang ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan, kecuali jika Negeri mengekalkan aset tersebut (peruntukan 13).
- (15) **Prinsip Artikel 166:** Prinsip Artikel 166 (2) dan (3) Perlembagaan Persekutuan mengenai tanah dan bangunan terpakai di Negeri Borneo. Prinsip ini juga terpakai kepada tanah dan bangunan yang digunakan untuk tujuan eksklusif Persekutuan selepas penubuhan Malaysia.
- (16) **Sumbangan dan Kos Penyelenggaraan:** Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab untuk pembayaran sumbangan sebagai ganti kadar dan kos penyelenggaraan bangunan yang mana Artikel 166 (3) terpakai (peruntukan 13 dan 15). Kos ini ditanggung bersama antara Kerajaan Persekutuan dan Negeri Borneo jika bangunan hanya diduduki sebahagian oleh Jabatan Persekutuan.
- (17) **Kuarters Kerajaan:** Prinsip Artikel 166 (3) tidak terpakai kepada kuarters Kerajaan selain daripada kuarters institusi yang digunakan untuk tujuan eksklusif Persekutuan. Kerajaan Persekutuan membayar sewa ekonomi kepada Kerajaan Negeri untuk kuarters yang diduduki oleh pegawai Persekutuan, dan sebaliknya.
- (18) **Hak Mengumpul Pinjaman:** Negeri Borneo mempunyai hak untuk mengumpul pinjaman dalam lingkungan Negeri dengan kelulusan bank pusat Malaysia. Artikel 111 Perlembagaan Persekutuan akan dipinda sewajarnya.
- (19) **Tanggungjawab Pencen:** Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab untuk semua pencen semasa dan masa depan pegawai Negeri Borneo, termasuk sumbangan kepada Dana Pencen Balu dan Anak Yatim. Ini tidak termasuk pencen yang dibayar oleh Sarawak kepada Yang Mulia Rajah dan tanggungannya. Pencen pegawai pihak berkuasa tempatan dan badan berkanun juga menjadi tanggungan Persekutuan, dengan Negeri Borneo membayar balik jika pihak berkuasa tidak membayar balik kepada Persekutuan.
- (20) **Penciptaan Jawatan:** Kuasa meluluskan penciptaan jawatan di Bahagian III penubuhan Negeri Borneo, di mana tanggungan pencen terletak pada Persekutuan, didelegasikan kepada Setiausaha Kewangan

Negeri Borneo untuk satu tahun, tertakluk kepada pembaharuan tahunan. Setiausaha Kewangan Negeri Borneo juga mempunyai kuasa mencipta jawatan tambahan dalam Perkhidmatan Awam untuk menampung sarjana yang kembali atau kakitangan tempatan yang layak (untuk pelantikan atau kenaikan pangkat ke gred yang tiada kekosongan untuk memudahkan pelaksanaan program Borneonisasi), tertakluk kepada pembaharuan tahunan dan perundingan dengan Pejabat Penubuhan Persekutuan.

- (21) **Penciptaan Jawatan Pegawai Kontrak:** Setiausaha Kewangan Negeri Borneo perlu berunding dengan cawangan tempatan Pejabat Penubuhan Persekutuan sebelum mencipta jawatan untuk pegawai kontrak yang gaji dan gratuitinya ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri.
- (22) **Kelulusan Skala Gaji:** Semua skala gaji, sama ada untuk pegawai tetap atau sementara, dan sama ada faedah persaraan ditanggung oleh Kerajaan Negeri Borneo atau Persekutuan, perlu mendapat kelulusan Kerajaan Persekutuan.
- (23) **Fungsi Ketua Audit Negara:** Fungsi Ketua Audit Negara untuk akaun Negeri Borneo serta badan berkanun Negeri sehingga tahun 1968 didelegasikan kepada Pengarah Audit di Negeri Borneo. Laporan disampaikan kepada Ketua Negeri dan Yang di-Pertuan Agong.
- (24) **Penerapan Bahagian VII Perlembagaan:** Bahagian VII Perlembagaan Persekutuan yang diubah suai harus terpakai di Negeri Borneo tidak lewat daripada 1 Januari 1965, kecuali Artikel 105, 106, 107 (Audit) dan 111 (Pinjaman Negeri) yang terpakai pada Hari Malaysia. Tempoh masa bermula dari tarikh Bahagian VII berkuat kuasa di Negeri Borneo.
- (25) **Pengaturan Kewangan Peralihan:** **(a)** Negeri Borneo bertanggungjawab untuk semua perbelanjaan sehingga Bahagian VII Perlembagaan Persekutuan diterapkan. **(b)** Hasil yang diperoleh di Negeri Borneo akan terus diperoleh oleh Negeri sehingga Bahagian VII Perlembagaan terpakai. **(c)** Kerajaan Negeri Borneo bertanggungjawab untuk pembayaran pencen dan sumbangan kepada Dana Pencen Balu dan Anak Yatim sehingga Bahagian VII Perlembagaan terpakai. **(d)** Penyerahan hasil dan geran statutori hanya dibayar kepada Negeri apabila Bahagian VII Perlembagaan terpakai. **(e)** Projek pembangunan di Negeri Borneo yang berkaitan dengan perkhidmatan Persekutuan kekal sebagai tanggungan Negeri sehingga Bahagian VII Perlembagaan terpakai. **(f)** Peralatan, stor, dan bekalan yang dipesan oleh Kerajaan Negeri Borneo untuk perkhidmatan Persekutuan selepas Hari Malaysia menjadi tanggungan Negeri sehingga Bahagian VII Perlembagaan Persekutuan terpakai, tetapi menjadi tanggungan Kerajaan Persekutuan jika perlu dibayar selepas tarikh tersebut. **(g)** Aset dan liabiliti Negeri Borneo yang sepatutnya menjadi aset dan liabiliti Kerajaan Persekutuan pada Hari Malaysia kekal sebagai aset dan liabiliti Negeri sehingga Bahagian VII Perlembagaan terpakai. **(h)** Perbelanjaan yang sepatutnya

*Satu Sejarah Tuntutan Sabah Dan Sarawak: Dari
Laporan IGC 1962 Ke 21 Tuntutan Ma63 (2018-2024)*

dikenakan ke atas Dana Berkanun Persekutuan selepas Hari Malaysia dikenakan ke atas hasil Negeri Borneo sehingga Bahagian VII Perlembagaan terpakai. **(i)** Kerajaan Persekutuan boleh menanggung perbelanjaan tambahan atas akaunnya sendiri di Negeri Borneo sebelum Bahagian VII Perlembagaan terpakai.

Perkara 25: Pilihan Raya

Pilihan raya akan diadakan untuk memilih wakil rakyat di peringkat Persekutuan dan Negeri. Proses pilihan raya ini akan memastikan bahawa semua warganegara Malaysia mempunyai hak untuk memilih wakil mereka secara demokratik. Peruntukan Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan yang sedia ada harus terpakai. Jumlah keseluruhan ahli Dewan Rakyat yang akan dipilih di Negeri Borneo akan dinyatakan dalam Perlembagaan.

Perkara 26: Kehakiman

Sistem kehakiman akan dikekalkan dan diperkukuhkan. Mahkamah Tinggi di Negeri Borneo akan mempunyai bidang kuasa yang sama seperti Mahkamah Tinggi di Semenanjung Malaysia.

Perkara 27: Perkhidmatan Awam

Perlembagaan Persekutuan diubah suai untuk menyesuaikan kelayakan (termasuk bahasa) bagi calon Perkhidmatan Awam Persekutuan di Negeri Borneo, sehingga calon dengan kelayakan tempatan diterima. Penyesuaian ini berterusan sehingga terdapat bilangan calon yang mencukupi dengan kelayakan standard. Dua cawangan berasingan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan ditubuhkan di Negeri Borneo untuk tempoh minimum lima tahun. Cawangan ini mempunyai kuasa penuh untuk pelantikan, kenaikan pangkat, dan kawalan disiplin anggota perkhidmatan awam di Negeri Borneo.

Perkara 28: Bahasa Kebangsaan

Bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan, tetapi penggunaan bahasa Inggeris akan dibenarkan dalam semua urusan rasmi di Negeri Borneo untuk tempoh tertentu sehingga Badan Perundangan Negeri menyediakan sebaliknya.

Perkara 29: Kedudukan Istimewa Kaum Pribumi

Kedudukan istimewa kaum Pribumi di Negeri Borneo diiktiraf dan dilindungi. Dalam penerapan Artikel 153 Perlembagaan Persekutuan di Negeri Borneo, istilah "Bumiputera" menggantikan "Melayu", iaitu mengikut definisi dalam Ordinan Tafsiran Sarawak dan Perlembagaan Borneo Utara. Yang di-Pertuan Agong melaksanakan kuasa di bawah Artikel 153 atas nasihat Kabinet Persekutuan, selepas berunding dengan Ketua Menteri Negeri yang berkenaan. Prosedur ini terpakai kepada Perkhidmatan Awam Persekutuan di Negeri Borneo. Dalam penerapan Artikel 153 kepada Perkhidmatan Awam Persekutuan secara keseluruhan, istilah "Melayu" ditafsirkan untuk

merangkumi "Bumiputera" seperti yang ditakrifkan di atas. Artikel 153(10) dipinda supaya terpakai kepada Negeri Borneo, membenarkan Perlembagaan Negeri untuk membuat peruntukan yang sepadan dengan Artikel 153.

Perkara 30: Jaminan Perlembagaan

Peruntukan tertentu yang berkaitan dengan Negeri Borneo (imigresen, kewarganegaraan, perwakilan dalam Parlimen Persekutuan, Mahkamah Tinggi Negeri Borneo) tidak boleh dipinda atau dimansuhkan tanpa persetujuan Kerajaan Negeri. Perlindungan khas juga diperlukan untuk pengagihan kuasa perundangan, kuasa eksekutif Negeri Borneo, pengaturan kewangan, agama, bahasa, dan kedudukan istimewa kaum peribumi. Pengubahsuaian kepada pengaturan perlembagaan khas boleh dipinda untuk membawa Negeri Borneo selaras dengan Negeri lain tanpa memerlukan undi dua pertiga daripada ahli Dewan Parlimen. Artikel 159(3) tidak terpakai kepada pindaan ini, tetapi Artikel 159(4)(bb) harus dipinda untuk memastikan pengubahsuaian tidak melebihi membawa Negeri Borneo selaras dengan Negeri lain.

Perkara 31: Prosiding Mempertikaikan Kesahihan Undang-undang Persekutuan atau Negeri

Di bawah Artikel 4(3) Perlembagaan Persekutuan, kesahihan undang-undang yang dibuat oleh Parlimen Persekutuan atau Badan Perundangan Negeri tidak boleh dipersoalkan atas alasan kekurangan kuasa, kecuali dalam prosiding antara Kerajaan. Artikel 4(3) harus dipinda untuk membolehkan kesahihan undang-undang dipersoalkan dalam prosiding untuk suatu perisytiharan yang dimulakan dengan kebenaran seorang Hakim Mahkamah Agung. Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang terlibat berhak menjadi pihak dalam prosiding tersebut.

Perkara 32: Undang-undang Sedia Ada

Perlembagaan Malaysia memastikan undang-undang mengenai perkara Persekutuan yang berkuat kuasa di Negeri Borneo sebelum Hari Malaysia terus berkuat kuasa sehingga dimansuhkan atau diubah oleh pihak berkuasa yang berwibawa. Perlembagaan Persekutuan memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong untuk: (a) mengubah suai undang-undang Negeri yang sedia ada mengenai perkara Persekutuan untuk menyelaraskannya dengan Perlembagaan Persekutuan; (b) melanjutkan undang-undang Persekutuan yang sedia ada mengenai perkara Persekutuan kepada Negeri Borneo, dengan atau tanpa pengubahsuaian, dan; (c) memansuhkan atau mengubah suai undang-undang Negeri mengenai perkara Persekutuan yang diperlukan akibat pelanjutan tersebut. Setiap perintah sedemikian harus dibentangkan di hadapan setiap Dewan Parlimen Persekutuan secepat mungkin selepas ia dibuat.

Perkara 33: Kuasa Darurat

Perkataan "sama ada oleh peperangan atau pencerobohan luar atau gangguan dalaman" dipadamkan untuk membolehkan pengisytiharan darurat

*Satu Sejarah Tuntutan Sabah Dan Sarawak: Dari
Laporan IGC 1962 Ke 21 Tuntutan Ma63 (2018-2024)*

dibuat tanpa mengira sebabnya. Parlimen diberi kuasa tanpa syarat untuk membuat undang-undang yang diperlukan semasa darurat, kecuali mengenai agama, kewarganegaraan, bahasa, undang-undang Islam, atau adat peribumi di Negeri Borneo. Artikel 79 tidak terpakai kepada Rang Undang-Undang yang dibuat semasa darurat, dan undang-undang tersebut tidak boleh dianggap tidak sah atas alasan ketidakselarasan dengan Perlembagaan. Artikel 150(7) terpakai kepada undang-undang tersebut, yang akan berhenti berkuat kuasa enam bulan selepas tamatnya darurat jika tidak boleh dibuat dengan sah melainkan kerana darurat.

Perkara 34: Susunan Peralihan untuk Jabatan Persekutuan

Perenggan 6 Kenyataan Awam Bersama di Lampiran C menyatakan bahawa harus ada tempoh peralihan di mana beberapa kuasa perlembagaan akan didelegasikan kepada Kerajaan Negeri Borneo. Laporan IGC mengandungi cadangan khusus mengenai delegasi atau devolusi kuasa dari Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri. Selain daripada jabatan yang terlibat secara langsung dalam cadangan khusus, pengaturan peralihan perlu disediakan untuk jabatan lain dalam perkhidmatan Persekutuan dan harus ditentukan secepat mungkin.

Perkara 35: Prosiding Undang-undang yang Tertunda

Peruntukan peralihan diperlukan untuk prosiding yang sedang berjalan oleh atau terhadap Baginda berkenaan dengan Negeri Borneo. Penggantian mahkamah lama di Negeri Borneo dengan mahkamah baru termasuk peruntukan untuk meneruskan prosiding yang sedang berjalan di mahkamah lama ke mahkamah baru. Mahkamah baru diberi kuasa untuk menangani penghakiman dan perintah mahkamah lama, termasuk atas rayuan.

Perkara 36: Perjanjian Antarabangsa untuk Bantuan Kewangan dan Teknikal

Kerajaan Persekutuan harus memastikan kesinambungan berkuat kuasa dan mengambil tanggungjawab antarabangsa untuk hak, liabiliti, dan obligasi di bawah perjanjian antarabangsa yang sedia ada. Manfaat perjanjian tersebut untuk perkara yang ditadbir oleh Negeri Borneo harus terus dinikmati dan ditadbir oleh Negeri tersebut.

Perkara 37: Persetujuan Majlis Raja-Raja

Persetujuan Kerajaan Persekutuan terhadap cadangan dalam Laporan IGC bergantung kepada persetujuan Majlis Raja-Raja. Persetujuan Majlis Raja-Raja diperlukan untuk pindaan yang dicadangkan kepada Artikel 38, 70, dan 153. Persetujuan ini harus diperoleh sebelum kesimpulan perjanjian rasmi (merujuk MA63).

Senarai Rujukan

Dokumen Arkib

- Dewan Rakyat*. 28 Julai 2020. Pemberitahuan Pertanyaan Lisan Dewan Rakyat, Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga, Parlimen Keempat Belas.
- Dewan Rakyat*. 28 Julai 2020. Pemberitahuan Pertanyaan Lisan Dewan Rakyat. Mesyuarat Kedua. Penggal Ketiga. Parlimen Keempat Belas.
- Dewan Rakyat*. 17 November 2020. Jawapan-jawapan bagi Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan yang Tidak Dijawab di dalam Dewan, Mesyuarat Ketiga, Penggal Ketiga, Parlimen Keempat Belas.
- Dewan Rakyat*. 23 November 2020. Teks Ucapan Penggulangan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah & Sarawak (bagi Perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2021.
- Dewan Rakyat*. 30 September 2021. Senarai Pertanyaan bagi Jawapan Lisan. Mesyuarat Pertama. Penggal Keempat. Parlimen Ke-14.
- Dewan Rakyat*. 30 September 2021. Senarai Pertanyaan bagi Jawapan Lisan, Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat, Parlimen Ke-14.
- Dewan Rakyat*. 25 September 2023. Penyata Rasmi Parlimen, Mesyuarat Khas, Parlimen Kelima Belas, Penggal Kedua.
- Dewan Rakyat*. 25 September 2023. Penyata Rasmi Parlimen. Mesyuarat Khas. Parlimen Kelima Belas. Penggal Kedua.
- Great Britain, Commission of Enquiry, North Borneo and Sarawak. 1962. *Report of the Commission of Enquiry, North Borneo and Sarawak*. London: Her Majesty's Stationery Office.
- Kementerian Kerja Raya Malaysia. 5 Januari 2023. Kenyataan Media: KKR Sambut Baik Pengumuman PM Berkenaan Tadbir Urus Projek Infra Sabah Sarawak.
- Secretary of State for Commonwealth Relations and Secretary of State for the Colonies. 1963. *Malaysia: Report of the Inter-Government Committee, 1962. Cmmd. 1954*. London: Her Majesty's Stationery Office.

Akhbar dan Berita

- Berita Harian*. 16 Mei 1959. 'Itu Bukan-nya Syarat Perchantuman'. Hlm. 2.
- Berita Harian*. 19 Februari 1958. Penjelasan dari Tengku. Hlm. 4.

*Satu Sejarah Tuntutan Sabah Dan Sarawak: Dari
Laporan IGC 1962 Ke 21 Tuntutan Ma63 (2018-2024)*

- Berita Harian*. 20 Mac 1959. Chantum? Buktikan Dulu Taat Setia, Kata Dr. Lim. Hlm. 1.
- Berita Harian*. 21 Disember 1959. Perchantuman dlm Masa 10 Tahun". Hlm. 2.
- Berita Harian*. 27 Februari 1959. Bersatu? Itu Bodoh Kata Tengku. Hlm. 5.
- Berita Harian*. 28 Mei 1961. Lupakan Negeri China, Tengku Beri Nasihat. Hlm. 1.
- Berita Harian*. 30 Mei 1961. Malaysia' Di-ulas. Hlm. 1.
- Berita Harian*. 9 Mac 1959. Perlembagaan Bergantung kpd. Orang2 Melayu. Hlm. 1.
- Indian Daily Mail*. 14 Julai 1947. Colonial Secretary Promises Statement on Constitution by October. Hlm. 4.
- Morning Tribune*. 11 Julai 1947. Malaya: Creech-Jones Promises Statement. Hlm. 6.
- Sunday Standard*. 7 Februari 1954. Closer Ties between S'pore, Fed., Says Lloyd. Hlm. 3.
- The Straits Times*. 1 Ogos 1963. Hope Rises in Manila. Hlm. 10.
- The Straits Times*. 10 Julai 1963. Malaysia' Full Text of the Pact Signed in London. Hlm. 8.
- The Straits Times*. 11 Ogos 1961. 'Malaysia: Self-Rule First'. Hlm. 9.
- The Straits Times*. 15 Mei 1950. Labour Party to Discuss Policy: Draft Plan Sees Economic Link with Federation. Hlm 5.
- The Straits Times*. 16 Januari 1947. Pan-Malayan View from Malacca. Hlm. 6.
- The Straits Times*. 18 Januari 1962. It's Lord Cobbold. Hlm. 1.
- The Straits Times*. 18 Ogos 1961. Malaysia: The Target Date is 1963. Hlm. 1.
- The Straits Times*. 2 Februari 1948. Gent Gives Pledge of "Genuine Democracy" Feberation Ceremonies. hlm. 5.
- The Straits Times*. 2 Ogos 1962. The Cobbold Report. Hlm. 9.
- The Straits Times*. 24 Ogos 1961. Assurance on Malaysia: Big Talks Open Today in Jesselton. Hlm. 1.
- The Straits Times*. 31 Julai 1961. 'Bigger Malay' Fear: Stephens. Hlm. 4.
- The Straits Times*. 6 Ogos 1963. Text of the Letter to Than. Hlm. 16.
- The Straits Times*. 7 Februari 1962. Memorandum on Malaysia. Hlm. 1.
- The Singapore Free Press*. 10 Julai 1947. 3 Governors: Set-up May Be Reviewed. Hlm. 1.
- The Singapore Free Press*. 19 Jun 1947. Federal Plan Gets Priority. Hlm. 1.
- The Straits Times*. 19 Jun 1947. Singapore and the Federation. Hlm. 1.

Bilcher Bala, *et al.*

- Indian Daily Mail*. 20 Jun 1947. Malayan Reforms and Govt's New Tactics. Hlm. 2.
- The Straits Times*. 25 April 1951. Thio Suggests a Confederation. Hlm. 7.
- Indian Daily Mail*. 18 September 1955. Mac Donald Pledges to Promote Indo-U.K. Friendship. Hlm. 1.
- Berita Harian*. 1 November 1958. Fikiran Tentang Soal Berchantum. Hlm. 4.
- Berita Harian*. 26 November 1958. Kenyataan Baharu P.A.P. Hlm. 4.
- Berita Harian*. 23 April 1959. Tidak Sama Fikiran. Hlm. 4.
- Berita Harian*. 11 November 1959. Perchantuman Buat Sekarang Tidak Mungkin. Hlm. 1.
- Berita Harian*. 1 Jun 1961. Perjalanan Sejarah yg. Ta' Dapat Di-elakkan. Hlm. 4.
- Berita Harian*. 4 Jun 1961. Malaysia: Lee Sokong. Hlm. 1.
- The Straits Times*. 26 Jun 1961. Borneo VIPs Fly in to Discuss 'Malaysia'. Hlm. 1.
- The Straits Times*. 28 Jun 1961. Moves on Malaysia. Hlm. 1.
- The Straits Times*. 28 July 1961. Borneo Two Form Malaysian Body. Hlm. 1.
- Berita Harian*. 2 Jun 1962. Malaysia: Sikap Brunai. Hlm. 1.
- The Straits Times*. 13 September 1963. U.N. Report on Borneo Will Be Favourable. Hlm. 1.

Buku dan Jurnal

- Abdullah, A. R. T. & Alih, S. (2017). Proses Kemerdekaan Sabah dan Sarawak (1961-1963): Tinjauan Kembali Aplikasi Perundangan dalam Penubuhan Malaysia. *Jurnal Jebat*. Vol. 44 (1). Hlm. 24-57.
- Abdullah, A. R. T. & Mulia, P. A. (2018). Isu Perjanjian Malaysia 1963 (Ma63) dan Hak Autonomi Sabah dan Sarawak dalam Konteks Sejarah dan PRU-14. *Jurnal Kinabalu*. Edisi Khas. Hlm. 291-317.
- Abdullah, A. R. T., Bala, B. & Mulia, P. A. (2018). MA63: Perjanjian Malaysia 1963 sebagai Dokumen Sejarah dan Kedudukan Perundangannya dalam Konteks Masa Kini. *Jurnal Borneo Arkhailogia (Heritage, Archaeology and History)*. Vol. 3 (2). Hlm. 143-184.
- Annuar, S. N. S. & Perman, A. A. (2023). Pilihanraya Umum Ke-15 di Sabah: Isu, Trend dan Cabaran. *Jebat: Malaysia Journal of History, Politics & Strategic Studies*. Vol. 50 (2). Hlm. 200-223.

*Satu Sejarah Tuntutan Sabah Dan Sarawak: Dari
Laporan IGC 1962 Ke 21 Tuntutan Ma63 (2018-2024)*

- Bala, B. 2018. Satu daripada Tiga Belas: Sabah dan Sarawak dalam Pembentukan Malaysia, 1961-1962. *Jurnal Borneo Arkhailogia (Heritage, Archaeology and History)*. Vol. 3 (2). Hlm. 13-52.
- Blakemore, R. & Streifthau, D. 1979. The Historical Method Applied to Cincinnati Furniture, 1819- 1830. *Journal of Interior Design Education and Research*. Vol. 6 (1). Hlm. 33-37. DOI: <https://doi.org/10.1111/j.1939-1668.1979.tb00435.x>.
- Chan, T. C. 2021. Warisan Plus in Government: A Retrospective from the Campaign and Beyond. Dalam Welsh, B., Somiah, V. & Loh, B. (eds.). *Sabah from the Ground: The 2020 Elections and the Politics of Survival*. Singapore: ISEAS. Hlm. 21-38.
- Chin, J. 2018. Sabah and Sarawak in the 14th General Election 2018 (GE14): Local Factor and State Nationalism. *Journal of Current Southeast Asian Affairs*. Vol. 37 (3). Hlm. 173-192. DOI: <https://doi.org/10.1177/186810341803700>.
- Chin, J. 2019. The 1963 Malaysia Agreement (MA63): Sabah and Sarawak and the Politics of Historical Grievances. Dalam Lemiere, S. (ed.). *Minorities Matter: Malaysian Politics and People*. Volume III. Singapore: ISEAS. Hlm. 75-92.
- Fukuyama. F. 2011. *The Origins of Political Order: From Prehuman Times to the French Revolution*. London: Profile Books Ltd.
- Ginsari, S. & Fernando, J. M. 2014. Donald Stephens dan Peranannya dalam Pembentukan Malaysia. *Jurnal Sejarah*. Vol. 23 (1). Hlm. 175-202.
- Go, J. 2024. Reverberations of Empire: How the Colonial Past Shapes the Present. *Social Science History*. Vol. 48 (1). Hlm. 1-18. DOI: <https://doi.org/10.1017/ssh.2023.37>.
- Harari, Y. N. 2011. *Sapiens: A Brief History of Humankind*. London: Harvill Secker.
- Ibrahim, M. A. et.al. 2021. Cabaran dan Makna Tersirat Arahan Perubahan Terma Panggilan Sabah dan Sarawak dari Negeri ke Wilayah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. Vol. 6 (7). Hlm. 109-117.
- Kiyimba, N., Lester, J. & O'Reilly, M. 2018. Utilising Media and Text-Based Sources. *Using Naturally Occurring Data in Qualitative Health Research*. Vol. 159. Hlm. 178. DOI: https://doi.org/10.1007/978-3-319-94839-3_7.
- Layapan, M. et.al. 2022. Transformasi dari 'Negeri' ke "Wilayah": Satu Perbincangan Awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. Vol. 7 (6). Hlm. 1-19.

- Nunn, N. 2009. The Importance of History for Economic Development. *Annual Review of Economics*. Vol. 1 (1). Hlm. 65-92. DOI: <https://www.jstor.org/stable/42940157>.
- Sakke, N., et.al. 2018. Legasi Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal (DSSA) di Parlimen Semporna dalam PRU-14. *2018: Jurnal Kinabalu Edisi Khas PRU14 (Special Issue GE14) 2018*. Hlm. 143-169. DOI: <https://doi.org/10.51200/ejk.vi>.
- Samad, J. A. 2021. The 1963 Malaysia Agreement: Pakatan's Failed Restoration and Perikatan's Fledgling Initiatives. Dalam Welsh, B., Somiah, V. & Loh, B. (eds.). *Sabah from the Ground: The 2020 Elections and the Politics of Survival*. Singapore: ISEAS. Hlm. 41-59.
- Weber, M. 2001. *The Protestant Ethic and the Spirit of Capitalism*. New York: Routledge.
- Weidmann, N. 2015. On the Accuracy of Media-based Conflict Event Data. *Journal of Conflict Resolution*. Vol. 59 (6). Hlm. 1129-1149. DOI: <https://doi.org/10.1177/0022002714530431>.
- Welsh, B., Somiah, V. & Loh, B. (eds.). 2021. *Sabah from the Ground: The 2020 Elections and the Politics of Survival*. Singapore: ISEAS.
- Wolf, J. 2018. Historical Methods. *Journal of Human Lactation*. Vol. 34 (2). Hlm. 282-284. DOI: <https://doi.org/10.1177/0890334418757448>.
- Woolf, A. 2017. *The History of the World: The Story of Mankind from Prehistory to the Modern Day*. London: Arcturus Publishing Limited.
- Woolley, J. 2000. Using Media-Based Data in Studies of Politics. *American Journal of Political Science*. Vol. 44 (1). Hlm. 156-173. DOI: <https://doi.org/10.2307/2669301>.

Laman Sesawang

- Astro Awani*. 15 November 2024. MA63: Perbincangan positif kerajaan Persekutuan-Sarawak Isu Pendidikan, Kesihatan. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ma63-perbincangan-positif-kerajaan-persekutuansarawak-isu-pendidikan-kesihatan-496450>. Diakses pada 19 Februari 2025.
- Astro Awani*. 16 September 2021. Pamer Semangat 'Keluarga Malaysia' semasa Selesai Isu MA63 – Bastien. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pamer-semangat->

*Satu Sejarah Tuntutan Sabah Dan Sarawak: Dari
Laporan IGC 1962 Ke 21 Tuntutan Ma63 (2018-2024)*

keluarga-malaysia-semasa-selesai-isu-ma63-bastien-320087.

Diakses pada 5 Mei 2025.

Astro Awani. 19 Ogos 2019. MA63: 7 Isu Mendapat Persetujuan Bersama. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ma63-7-isu-mendapat-persetujuan-bersama-215340>. Diakses pada 4 Mei 2025.

Astro Awani. 21 Januari 2016. Adenan Senaraikan 13 Perkara Dipersetujui. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/adenan-senaraikan-13-perkara-dipersetujui-90767>. Diakses pada 2 Mei 2025.

Astro Awani. 22 Januari 2023. MA63: Kerajaan Perpaduan Berjaya Selesai Sebahagian Besar Kandungan Perjanjian. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ma63-kerajaan-perpaduan-berjaya-selesai-sebahagian-besar-kandungan-perjanjian-403166>. Diakses pada 5 Mei 2025.

Berita Harian. 10 April 2019. PH Kecwa Pembangkang Gagalkan Usaha Kembalikan Status Sabah, Sarawak. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/04/550999/ph-kecwa-pembangkang-gagalkan-usaha-kembalikan-status-sabah-sarawak>. Diakses pada 2 Mei 2025.

Berita Harian. 10 Oktober 2018. PM Ketuai Jawatankuasa Kabinet Tangani Isu MA63. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/10/484402/pm-ketuai-jawatankuasa-kabinet-tangani-isu-ma63>. Diakses pada 4 Mei 2025.

Berita Harian. 12 September 2024. MA63: 11 Tuntutan Selesai, 7 di bawah Kepimpinan PM Anwar. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/09/1297623/ma63-11-tuntutan-selesai-7-di-bawah-kepimpinan-pm-anwar>. Diakses pada 5 Mei 2025.

Berita Harian. 14 Disember 2021. Pindaan Perlembagaan Kukuh Kedudukan Sabah, Sarawak. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/12/898889/pindaan-perlembagaan-kukuh-kedudukan-sabah-sarawak>. Diakses pada 2 Mei 2025.

Berita Harian. 14 September 2024. MA63: Penyelesaian 11 Tuntutan Satu Titik Manis dalam Sejarah Malaysia - Penganalisis. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/09/1298215/ma63-penyelesaian-11-tuntutan-satu-titik-manis-dalam-sejarah>. Diakses pada 19 Februari 2025.

Bernama. 10 Oktober 2018. MA63: Jawatankuasa Pemandu Diketuai PM, 16 Anggota – Liew.

- <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=1652195>. Diakses pada 4 Mei 2025.
- Bernama*. 28 Februari 2023. Kerajaan Perpaduan Komited Realisasikan MA⁶³ – Fadillah. <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2168449>. Diakses pada 5 Mei 2025.
- Bernama*. 7 Disember 2023. Kerajaan Perpaduan Selesaikan Banyak Perkara dalam MA63, Lebih Pantas - Anwar <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2251892>, diakses pada 5 Mei 2025.
- Dayak Daily*. 19 November 2024. MA63: Putrajaya Agrees to Return Health Autonomy on Clinic Registration, Licensing, Enforcement to Sarawak. <https://dayakdaily.com/ma63-putrajaya-agrees-to-return-health-autonomy-on-clinic-registration-licensing-enforcement-to-sarawak/>. Diakses pada 2 Mei 2025.
- Dayak Daily*. 27 Julai 2024. 11 MA63 Issues Resolved, More Under Discussions, Says Sabah Deputy CM. <https://dayakdaily.com/11-ma63-issues-resolved-more-under-discussions-says-sabah-deputy-cm/>. Diakses pada 3 Mei 2025.
- Dayak Daily*. 29 Mac 2018. Penurunan Kuasa antara Kerajaan Persekutuan dan Sarawak, Sabah Berjalan Lancar. https://dayakdaily.com/penurunan-kuasa-antara-kerajaan-persekutuan-dan-sarawak-sabah-berjalan-lancar/#google_vignette. Diakses pada 4 Mac 2025.
- Dayak Daily*. 29 September 2022. Whither the Safeguarding of Borneo State's Special Interest? <https://dayakdaily.com/whither-the-safeguarding-of-borneo-states-special-interests/>. Diakses pada 24 Februari 2025.
- Free Malaysia Today*. 23 November 2020. Tak Perlu Dedah Laporan Akhir Jawatankuasa Khas Kabinet MA63, Kata Menteri. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2020/11/23/tak-perlu-dedah-laporan-akhir-jawatankuasa-khas-kabinet-ma63-kata-menteri>. Diakses pada 4 Mei 2025.
- Human Resources*. 2 Mei 2025. Sabah & Sarawak;s Labour Ordinance (Amendment) Acts 2025 Now in Force Effective 1 May. <https://production.humanresourcesonline.net/sabah-sarawak-s-labour-ordinance-amendment-acts-2025-now-in-force-effective-1-may>. Diakses pada 2 Mei 2025.
- Jesselton Times*. 28 Julai 2024. Warisan Creates History by Becoming the First Local Party to Successfully Introduce the MA63 Bill in Parliament – Shafie Apdal. <https://jesseltontimes.com/2024/07/28/warisan-creates->

*Satu Sejarah Tuntutan Sabah Dan Sarawak: Dari
Laporan IGC 1962 Ke 21 Tuntutan Ma63 (2018-2024)*

history-by-becoming-the-first-local-party-to-successfully-introduce-the-ma63-bill-in-parliament-shafie-apdal/. Diakses 25 Februari 2025.

Majlis Keselamatan Negara. 13 September 2024. MA63: 11 Tuntutan Berjaya Diselesaikan. <https://www.mkn.gov.my/web/ms/2024/09/13/ma63-11-tuntutan-berjaya-diselesaikan/>. Diakses pada 5 Mei 2025.

Malay Mail. 16 Jun 2018. Sabah Timber Group Calls Proposed Log Export Ban Detrimental. <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2018/06/16/sabah-timber-group-calls-proposed-log-export-ban-detrimental/1642523>. Diakses pada 2 Mei 2025.

Malay Mail. 29 November 2023. Payment of Special Grants to Sabah, Sarawak Completed, Says PM Anwar. <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/11/29/payment-of-special-grants-to-sabah-sarawak-completed-says-pm-anwar/104863>. Diakses pada 4 Mei 2025.

Malaysia Kini. 12 September 2024. 11 Tuntutan MA63 Berjaya Diselesaikan – Fadillah. <https://www.malaysiakini.com/news/719073>. Diakses pada 6 Mei 2025.

Malaysia Kini. 18 Ogos 2019. MA63: 7 Isu Selesai, 14 Perlu Bincang Lanjut. <https://www.malaysiakini.com/news/488614>. Diakses pada 4 Mei 2025.

Malaysia Kini. 19 Ogos 2019. Jawatankuasa MA63 Setuju Serah Kuasa Urus Tadbir Dua Pulau. <https://www.malaysiakini.com/news/488587>. Diakses pada 4 Mei 2025

Malaysia Kini. 19 Ogos 2019. MA63: 7 Isu Selesa, 14 Perlu Bincang Lanjut. <https://www.malaysiakini.com/news/488614>. Diakses pada 5 Mei 2025.

Malaysia Kini. 2 November 2023. MA63: Enam Tuntutan Asal Sabah, Sarawak telah Diselesaikan. <https://www.malaysiakini.com/news/685136>. Diakses pada 5 Mei 2025.

New Straits Times. 14 September 2024. MA63: Settlement of 11 Claims Marks Historic Milestone – Analysts. <https://www.nst.com.my/news/nation/2024/09/1105612/ma63-settlement-11-claims-marks-historic-milestone-analysts>. Diakses pada 4 Mei 2025.

Pustaka Ilmu. (t.t.). Portal Rasmi Arkib Negara Malaysia. Penubuhan Malaysia 16 September 1963.

- <https://pustakailmu.arkib.gov.my/index.php/ms/pustaka-ilmu/jendela-sejarah/penubuhan-malaysia-16-september-1963>. Diakses pada 24 Februari 2025.
- Sabah First Info*. 5 Mac 2024. MA63: Sembilan Tuntutan Asa Selesai Sepenuhnya-TPM. <https://sabahfirstinfo.com/ma63-sembilan-tuntutan-asas-selesai-sepenuhnya-tpm/>. Diakses pada 3 Mei 2025.
- Sabahkini2*. 15 April 2021. Majlis Khas MA63 Kembalikan Pentadbiran Pulau Ligitan kepada Sabah. <https://sabahkini2.com/en/news/3664/majlis-khas-ma63-kembalikan-pentadbiran-pulau-sipadan-ligitan-kepada-sabah/view>. Diakses pada 2 Mei 2025.
- Sarawak Tribune*. 19 April 2019. Study on MA63 Expected to be Completed by June 2019. <https://www.sarawaktribune.com/study-on-ma63-expected-to-be-completed-by-june-2019/>. Diakses pada 25 Februari 2025.
- Sinar Harian*. 10 Februari 2019. Semua Pihak Perlu Sokong Kembalikan Status Sabah, Sarawak sebagai Wilayah. <https://www.sinarharian.com.my/article/12207/edisi/sabah-sarawak/semua-pihak-perlu-sokong-kembalikan-status-sabah-sarawak-sebagai-wilayah>. Diakses pada 25 Februari 2025.
- Sinar Harian*. 10 Januari 2023. Kuasa Perundangan, Kawal Selia Gas Diserahkan kepada Sabah. <https://www.sinarharian.com.my/article/239892/berita/nasional/kuasa-perundangan-kawal-selia-gas-diserah-kepada-sabah>. Diakses pada 5 Mei 2025.
- Sinar Harian*. 12 Disember 2021. Kegagalan Pindaan Perlembagaan Persekutuan pada 2019 Bukan Salah PH. <https://www.sinarharian.com.my/article/177498/pilihan-raja/prn-sarawak/kegagalan-pinda-perlembagaan-persekutuan-pada-2019-bukan-salah-ph>. Diakses pada 2 Mei 2025.
- The Borneo Post*. 2 Mei 2025. Sarawak's Right to Regulate Gas Fully Backed by MA63, Federal Constitution, Says Kota Sentosa Rep. <https://www.theborneopost.com/2025/05/02/sarawaks-right-to-regulate-gas-fully-backed-by-ma63-federal-constitution-says-kota-sentosa-rep/>. Diakses pada 2 Mei 2025.
- The Borneo Post*. 21 Januari 2016. Rundangan dengan Perdana Menteri Mengenai Penurunan Kuasa kepada Kerajaan Negeri, Positif. <https://www.theborneopost.com/2016/01/21/rundangan-dengan-perdana-menteri-mengenai-penurunan-kuasa-kepada-kerajaan-negeri-positif/>. Diakses pada 2 Mei 2025.

*Satu Sejarah Tuntutan Sabah Dan Sarawak: Dari
Laporan IGC 1962 Ke 21 Tuntutan Ma63 (2018-2024)*

- The Star*. 16 Julai 2023. Focus on Getting Back State Rights under MA63, Shafie Tells Sabah Govt. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/07/16/focus-on-getting-back-state-rights-under-ma63-shafie-tells-sabah-govt>. Diakses pada 25 Februari 2025.
- The Vibes*. 5 Mac 2024. MA63: Nine Demands Resolved, Says Fadillah. <https://www.thevibes.com/index.php/articles/news/101180/ma63-nine-demands-resolved-says-fadillah>. Diakses pada 4 Mei 2025.
- UK Parliament. 26 July 1963. Malaysia Bill. *Historic Hansard. HL Deb vol 252 cc932-79*. <https://api.parliament.uk/historic-hansard/lords/1963/jul/26/malaysia-bill>. Diakses pada 4 Mac 2025.
- United Nations. 15 Disember 1960. *General Assembly Resolution 1541 (XV). Principles which Should Guide Members in Determining whether or Not an Obligation Exists to Transmit the Information Called for under Article 73e of the Charter*. [https://docs.un.org/en/A/RES/1541\(XV\)](https://docs.un.org/en/A/RES/1541(XV)). Diakses pada 4 April 2025.
- Utusan Borneo*. 12 November 2018. Jawatankuasa Khas Kabinet Persekutuan Diwujudkan Semak MA63. <https://www.utusanborneo.com.my/2018/11/12/jawatankuasa-khas-kabinet-persekutuan-diwujudkan-semak-ma63>. Diakses pada 4 Mei 2025.
- Utusan Borneo*. 13 Mei 2018. Tuntut Hak Sabah dalam Malaysia antara Keutamaan Tertinggi Kerajaan Warisan – Shafie. <https://www.utusanborneo.com.my/2018/05/13/tuntut-hak-sabah-dalam-malaysia-antara-keutamaan-tertinggi-kerajaan-warisan-shafie>. Diakses pada 25 Februari 2025.
- Utusan Borneo*. 14 Oktober 2023. Belanjawan 2024 Bukti Kerajaan Perpaduan Martabatkan MA63. <https://www.utusanborneo.com.my/2023/10/14/belanjawan-2024-bukti-kerajaan-perpaduan-martabatkan-ma63>. Diakses pada 5 Mei 2025.